

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

61 PERSPEKTIF KESELURUHAN

62 EKONOMI 2022

EKONOMI GLOBAL

Rencana 2.1 – Kesan Limpahan Konflik Rusia-Ukraine ke atas Malaysia

EKONOMI DOMESTIK

Rencana 2.2 – Penguatan Sektor Pembinaan ke arah Pertumbuhan Ekonomi Mampan

Rencana 2.3 – Prestasi Perdagangan Malaysia: Pra, Semasa dan Pascapandemik (2017 – Jun 2022)

Rencana 2.4 – Inflasi Makanan di Malaysia

105 TINJAUAN 2023

TINJAUAN GLOBAL

TINJAUAN DOMESTIK

112 KESIMPULAN

114 RUJUKAN

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

Perspektif Keseluruhan

Momentum pertumbuhan berterusan dalam persekitaran global yang mencabar

Pertumbuhan global diunjur menyederhana pada 2022 selepas pengembangan ekonomi yang kukuh dalam ekonomi maju serta negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE) pada 2021. Di samping itu, tekanan inflasi yang semakin meningkat akibat harga komoditi yang tinggi dijangka akan mendesak kebanyakan bank pusat untuk mengetatkan dasar monetari. Sementara itu, aktiviti ekonomi China yang perlahan, gangguan rantai bekalan dan ketegangan geopolitik yang berlarutan dijangka melemahkan pertumbuhan global pada 2023.

Pemulihan ekonomi Malaysia meneruskan momentum kukuh pada separuh pertama 2022 dalam persekitaran global yang mencabar. Pertumbuhan KDNK meningkat sebanyak 6.9% dalam tempoh tersebut disokong oleh pelaksanaan langkah Bajet 2022, peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Ekonomi dijangka berkembang pada 6.1% pada separuh kedua 2022 sejajar dengan permintaan domestik yang kukuh daripada sektor swasta, aktiviti pelancongan yang melonjak dan prestasi perdagangan yang memberangsangkan. Di samping itu, prestasi kukuh sektor perkhidmatan dan pembuatan serta penambahbaikan pasaran buruh dijangka menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan ekonomi. Secara keseluruhan,

ekonomi negara dijangka berkembang antara 6.5% – 7% pada 2022.

Selari dengan prospek ekonomi global yang perlahan, ekonomi Malaysia dijangka menyederhana pada 2023. Permintaan domestik dijangka disokong oleh asas ekonomi yang kukuh, peningkatan dalam prospek pekerjaan, keyakinan pengguna dan perniagaan serta sokongan dasar berterusan untuk isi rumah yang mudah terjejas. Permintaan luar yang stabil terutamanya bagi produk elektrik & elektronik (E&E) dan komoditi utama dijangka terus memacu eksport seterusnya mengekalkan lebih akaun semasa imbalan pembayaran (BOP).

Dari sudut penawaran, semua sektor diunjur berkembang dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi. Sektor perkhidmatan dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan dalam permintaan domestik dan aktiviti pelancongan. Sementara itu, sektor pembuatan dijangka dipacu oleh permintaan global untuk produk E&E dan produk berasaskan getah di samping pengembangan dalam industri domestik seperti makanan dan produk berkaitan pembinaan. Sektor pembinaan diunjur bertambah baik dengan pelaksanaan lebih cepat projek infrastruktur sedia ada dan peningkatan pelaburan swasta yang mendorong permintaan lebih banyak bangunan komersial dan kediaman. Sehubungan itu, KDNK negara diunjur berkembang antara 4% – 5% pada 2023.

Ekonomi 2022

Ekonomi Global

Cabaran global memperlakan pertumbuhan


Pertumbuhan global dijangka berkembang 3.2% pada 2022 sebahagian besar disokong oleh pertumbuhan KDNK Asia Pasifik walaupun terdapat peningkatan harga tenaga, gangguan rantaian bekalan dan keadaan kewangan yang mencabar. Pertumbuhan KDNK dalam negara maju dijangka menyederhana 2.5% pada 2022. Ekonomi AS dijangka mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 2.3% pada 2022 disebabkan oleh pengurangan momentum yang signifikan dalam penggunaan swasta berikutan kuasa beli isi rumah yang lemah dan dasar monetari yang lebih ketat. Pada masa yang sama, pertumbuhan KDNK di kawasan euro diunjur berkembang lebih perlahan 2.6% pada 2022 terutamanya disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang perlahan berikutan pemotongan bekalan tenaga oleh Rusia.

Pada 2022, pertumbuhan ekonomi EMDE diunjur menyederhana kepada 3.6% berikutan permintaan domestik dan eksport yang kurang memberangsangkan. Ekonomi China dijangka berkembang lebih perlahan sebanyak 3.3% disebabkan oleh permintaan pengguna dan pelaburan yang lembap. Sementara itu, ekonomi India diunjur berkembang sebanyak 7.4% disokong oleh pelaburan awam dan swasta serta insentif dan pembaharuan yang diperkenalkan bagi menambah baik persekitaran perniagaan. Pertumbuhan KDNK ASEAN-5¹ diunjur berkembang sebanyak 5.3% terutamanya disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh dan pelaburan lebih tinggi.

Perdagangan dunia dijangka berkembang sederhana kepada 4.1% pada 2022 berikutan konflik geopolitik berpanjangan di Eropah Timur dan langkah penutupan sektor ekonomi di China bagi mengekang pandemik COVID-19. Pada 2022, ekonomi maju dijangka merekodkan pertumbuhan eksport sebanyak 5% dan import 6.1% iaitu lebih rendah berbanding pertumbuhan tahun sebelumnya. Perdagangan dalam EMDE dijangka menyederhana dengan kadar pertumbuhan eksport dan import yang lebih rendah iaitu 4.1% dan 3.9%.

Inflasi global diunjur mencatat 8.3% pada 2022 sejajar dengan harga makanan dan tenaga yang lebih tinggi. Kadar inflasi dijangka merekodkan 6.6% dalam ekonomi maju dan 9.5% dalam EMDE.

RAJAH 2.1. *Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar, Perdagangan dan Inflasi Global 2021 – 2023*
(% perubahan)



¹ Anggaran
² Unjuran

Nota: Perdagangan bagi Negara Maju serta Negara yang Berkembang Pesat dan Negara Membangun merujuk kepada purata volum eksport dan import bagi barangan dan perkhidmatan
Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, *World Economic Outlook* (Julai 2022)

¹ ASEAN-5 terdiri daripada Filipina, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Viet Nam.

RENCANA 2.1

Kesan Limpahan Konflik Rusia-Ukraine ke atas Malaysia

Pengenalan


Kejutannya Luaran Membantutkan Usaha Pertumbuhan Ekonomi

Ketegangan antara Rusia dan Ukraine mencapai kemuncak apabila Rusia menceroobh Ukraine pada 24 Februari 2022. Di sebalik peningkatan aktiviti ekonomi berikutan pembukaan semula ekonomi global dan pemulihan pasaran buruh selepas pandemik COVID-19, konflik Rusia-Ukraine telah menyebabkan kejutan ekonomi di seluruh dunia. Kenaikan harga bahan mentah, caj pengangkutan, kos buruh, barangan makanan, bahan api dan pengangkutan telah meningkatkan kos perniagaan. Berdasarkan situasi ini, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan menyederhana sebanyak 3.2% pada 2022 dan 2.9% pada 2023.

Dalam pasaran global, Rusia merupakan pengeksport gandum terbesar, menyumbang kepada 18% daripada eksport global manakala Ukraine menyumbang 7%. Rusia juga merupakan pengeksport terbesar gas asli (25%), paladium (23%), nikel (22%), dan baja (14%). Rusia turut menyumbang kepada eksport arang batu global (18%), platinum (14%), minyak mentah (11%), dan aluminium ditapis (10%) seperti dalam Rajah 2.1.1.


Ukraine merupakan pengeksport terbesar minyak biji iaitu dua per lima daripada pengeluaran global yang digunakan terutamanya dalam masakan. Ukraine juga merupakan pengeksport jagung keempat terbesar, menyumbang kepada 13% daripada eksport global. Ukraine turut menghasilkan sehingga 50% gas neon global, yang merupakan elemen kritikal dalam pembuatan cip elektronik. Konflik Rusia-Ukraine telah memburukkan lagi gangguan rantaian bekalan global sedia ada dan menyebabkan kenaikan harga komoditi. Pecahan eksport dan perubahan harga komoditi Rusia dan Ukraine adalah seperti dalam Rajah 2.1.1 dan 2.1.2.

RAJAH 2.1.1. Pecahan Eksport Komoditi Rusia dan Ukraine, 2022



Nota: Data untuk tenaga dan makanan ialah volum dagangan, manakala logam dan mineral ialah nilai dagangan. Baja adalah batu fosfat dan mineral potash dan bukan mineral berasaskan ammonia. Minyak boleh dimakan ialah minyak sawit, kacang soya dan minyak biji sesawi
 Sumber: BP Statistical Review, UN Comtrade, U.S. Department of Agriculture, Bank Dunia

RAJAH 2.1.2. Perubahan Harga Komoditi Rusia dan Ukraine Sebagai Pengeksport Utama, 2022



Nota: Perubahan harga komoditi untuk tempoh tiga bulan sehingga akhir Mac 2022. Gas asli cecair (LNG), Diamonium fosfat (DAP), Soft red winter wheat (SRW) dan Hard red winter wheat (HRW)
 Sumber: Bank Dunia

Impak konflik boleh dirasai bukan sahaja di Eropah tetapi juga di seluruh dunia kerana Rusia dan Ukraine merupakan pembekal utama makanan dan tenaga global. Menurut IMF, inflasi global diunjurkan 8.3% pada 2022 dan 5.7% pada 2023. Konflik tersebut dijangka akan mengekalkan kos tenaga pada kadar yang tinggi manakala gangguan berterusan ke atas rantaian bekalan global menghalang pertumbuhan.

Kesan Konflik Rusia-Ukraine ke atas Malaysia

Kesan langsung konflik Rusia-Ukraine ke atas Malaysia adalah terhad memandangkan hubungan perdagangan dan kewangan yang kurang signifikan antara Malaysia dan kedua-dua negara. Bagi separuh pertama 2022, perdagangan antara Malaysia dan Rusia berjumlah RM8.8 bilion (0.4%) dan Ukraine sebanyak RM1.5 bilion (0.1%). Walau bagaimanapun, konflik yang berpanjangan telah mengakibatkan kesan limpahan ke atas Malaysia, khususnya kenaikan harga makanan dan bahan api.

Kenaikan Harga Ayam


Kenaikan harga ayam di Malaysia adalah disebabkan oleh peningkatan harga makanan ayam. Keadaan ini berpunca daripada kenaikan harga bahan utama yang digunakan untuk menghasilkan makanan ayam iaitu jagung, kacang soya dan minyak sawit sejak peperangan tercetus antara Rusia dan Ukraine. Kedua-dua negara ini adalah antara pengeluar dan pengeksport utama jagung dan gandum, yang merupakan bahan penting dalam penghasilan makanan haiwan, termasuk makanan ayam.

Kenaikan harga purata ayam memberi kesan kepada kadar inflasi keseluruhan isi rumah di mana harga ayam proses standard ialah RM8.55 sekilogram pada Jun 2021 berbanding RM10.02 sekilogram pada Jun 2022. Manakala, harga sebiji telur ayam untuk semua gred turun naik antara RM0.40 hingga RM0.45 seperti dalam Rajah 2.1.3.

Pada Jun 2022, wajaran bagi daging (termasuk ayam) ialah 2.5% daripada wajaran barangan makanan keseluruhan dalam bakul Indeks Harga Pengguna (IHP), di mana IHP berada pada kadar yang tinggi iaitu 8.7%. Sementara itu, wajaran bagi susu, keju dan telur (termasuk telur ayam) ialah 0.5% daripada keseluruhan bakul IHP di mana IHP berada pada kadar 6.7% seperti dalam Rajah 2.1.4.


Sebagai langkah membendung inflasi, Kerajaan menetapkan harga siling runcit baharu ayam proses standard pada RM9.40 sekilogram, manakala harga siling baharu telur ayam ditetapkan pada RM0.45 (gred A), RM0.43 (gred B) dan RM0.41 (gred C) berkuat kuasa 1 Julai 2022.

RAJAH 2.1.3. Harga Purata Bulanan bagi Telur, Ayam dan Minyak Masak, 2021 – 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 2.1.4. Wajaran Indeks Harga Pengguna bagi Item Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Jun 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Kenaikan Harga Bahan Api

Sebagai antara negara pengeksport tenaga terbesar dunia, gangguan bekalan minyak dan gas dari Rusia telah menjejaskan bekalan global, mengakibatkan lonjakan harga minyak mentah dan arang batu. Kenaikan harga minyak mentah Brent daripada USD91.31 setong pada awal Februari kepada USD107.97 setong pada akhir Julai 2022 telah memberi kesan secara langsung kepada harga runcit bahan api di Malaysia. Harga petrol RON97 telah meningkat daripada RM3.12 seliter pada awal Februari kepada RM4.30 seliter pada akhir Ogos 2022. Walau bagaimanapun, harga bahan api bersubsidi dikekalkan pada RM2.05 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.15 seliter bagi diesel.

Kuasa Beli Menurun

IHP bagi tempoh Januari hingga Julai 2022 meningkat sebanyak 2.8% berbanding tempoh yang sama bagi 2021 sebanyak 2.3% seperti dalam Rajah 2.1.5. Pendorong utama peningkatan kadar inflasi adalah di bawah kategori makanan dan minuman bukan alkohol yang mencatatkan kenaikan sebanyak 4.8% merangkumi harga daging (9.1%); susu, keju dan telur (7%); dan sayur-sayuran (6%). Purata inflasi Malaysia bagi tempoh 2021 hingga Julai 2022 adalah sebanyak 2%. Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di Malaysia telah menyebabkan penurunan ketara kuasa beli rakyat.

RAJAH 2.1.5. Indeks Harga Pengguna, Januari – Julai 2021 dan 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kerajaan Prihatin dan Bertanggungjawab

Konflik Rusia-Ukraine telah mencetuskan antara kejutan harga komoditi yang signifikan dalam tempoh 50 tahun ke belakang. Konflik ini juga telah menyukarkan lagi usaha menyokong pertumbuhan ekonomi di samping mengawal kenaikan harga. Selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia, Kerajaan berazam untuk memelihara kesejahteraan rakyat dengan merangka dan melaksanakan dasar yang mantap untuk mengurangkan kesan krisis.

Antara langkah yang dilaksanakan Kerajaan termasuk kawalan harga ke atas barangan dan perkhidmatan yang terpilih, khususnya melalui pemberian subsidi bahan api dan harga makanan tertentu serta rebat kadar elektrik kepada pengguna domestik. Kerajaan juga telah menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi untuk mengawal kenaikan harga barang dengan lebih cekap dan berkesan.

Di samping itu, Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia telah meningkatkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Ratio* - OPR) sebanyak 25 mata asas pada Mei 2022 daripada rekod paling rendah 1.75% dan 25 mata asas lagi pada Julai dan September 2022 yang menjadikan OPR sebanyak 2.5% bagi membendung tekanan inflasi yang disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia telah menerima kesan limpahan daripada konflik Rusia-Ukraine yang berterusan. Konflik ini telah memburukkan lagi gangguan rantaian bekalan disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi global yang dijangka lebih rendah berbanding unjuran. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa melindungi rakyat yang terjejas akibat kenaikan harga komoditi dan makanan global serta memastikan pertumbuhan yang mampan dan seimbang.

Ekonomi Domestik

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Pemacu utama trajektori pertumbuhan mampan

Sektor **perkhidmatan** meningkat 9.2% pada separuh pertama 2022 dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; pengangkutan dan penyimpanan; makanan & minuman dan penginapan; hartanah dan perkhidmatan perniagaan; serta maklumat dan komunikasi. Prestasi memberangsangkan ini disumbang oleh peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan susulan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Di samping itu, prestasi ini didorong oleh kenaikan dalam perbelanjaan pengguna berikutan pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan bantuan khas kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri kepada penjawat awam termasuk pesara Kerajaan serta peningkatan transaksi dalam talian berikutan penerimgunaan pantas digitalisasi merentasi semua sektor. Sektor perkhidmatan dijangka berkembang 7.4% pada separuh kedua disokong oleh momentum pertumbuhan kukuh dalam keseluruhan aktiviti ekonomi. Justeru, sektor ini diunjur berkembang 8.2% pada 2022 dengan hampir kesemua subsektor mencatat pertumbuhan positif.

JADUAL 2.1. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor, 2021 – 2023 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
		2022 ¹	2021	2022 ¹
Perkhidmatan	58.0	1.9	8.2	5.0
Pembuatan	24.3	9.5	6.3	3.9
Pertanian	6.7	-0.2	0.1	2.3
Perlombongan	6.4	0.3	2.1	1.1
Pembinaan	3.5	-5.2	2.3	4.7
KDNK	100.0	3.1	6.5 – 7.0	4.0 – 5.0

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.2. *Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2021 – 2023 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
		2022 ¹	2021	2022 ¹
Perdagangan borong dan runcit	29.4	1.6	8.7	3.4
Kewangan dan insurans	12.3	10.0	-0.6	3.1
Maklumat dan komunikasi	11.6	6.3	4.7	4.6
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	7.2	-11.0	18.2	6.6
Pengangkutan dan penyimpanan	6.4	1.3	27.6	7.0
Makanan & minuman dan penginapan	4.9	-11.0	29.5	7.8
Utiliti	4.7	2.6	3.4	2.4
Perkhidmatan lain	7.7	-3.3	7.8	8.5
Perkhidmatan kerajaan	15.8	5.4	3.3	6.1
Perkhidmatan	100.0	1.9	8.2	5.0


¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat sebanyak 10.4% pada separuh pertama 2022 disokong oleh prestasi kukuh dalam semua segmen. Pencapaian ini didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan isi rumah berikutan pasaran buruh dan keyakinan pengguna yang bertambah baik. Di samping itu, segmen kenderaan bermotor menyumbang secara signifikan kepada prestasi separuh pertama didorong oleh peningkatan ketara pembelian kenderaan berikutan pengecualian cukai jualan untuk kereta penumpang sehingga akhir Jun 2022. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 7.2% pada separuh kedua disumbangkan oleh peningkatan dalam semua segmen terutamanya perdagangan runcit selaras dengan penambahan bilangan kedai serbaneka. Segmen kenderaan bermotor juga dijangka berkembang selari dengan unjuran semula bilangan jualan kenderaan daripada 600,000 kepada 630,000 pada 2022 (Persatuan Automotif Malaysia, 2022). Subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 8.7% pada tahun ini.

RAJAH 2.2. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan



¹ Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holding Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas)

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan melonjak sebanyak 30.7% pada separuh pertama 2022 didorong oleh peningkatan ketara dalam semua segmen berikutan aktiviti lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang yang lebih rancak. Kadar aliran trafik di lebuhraya bertol meningkat sebanyak 59.8% kepada 803.2 juta kenderaan dalam tempoh ini terutamanya disumbangkan oleh normalisasi perjalanan rentas negeri khususnya semasa musim perayaan dan cuti persekolahan dalam tempoh peralihan kepada fasa endemik. Peningkatan jumlah kendalian kargo dan kontena di pelabuhan disokong oleh permintaan luar yang kukuh dengan jumlah dagangan meningkat sebanyak 28.2% kepada RM1,354.9 bilion. Selain itu, prestasi memberangsangkan ini disokong oleh peningkatan ketara sebanyak 597.4% kepada 21.2 juta trafik penumpang udara di lapangan terbang dalam tempoh enam bulan. Pada separuh kedua 2022, subsektor ini dijangka kembali melonjak sebanyak 24.8% terutamanya disumbangkan oleh segmen pengangkutan darat berikutan peningkatan volum trafik di lebuhraya serta penambahan penumpang pengangkutan rel. Di samping itu, segmen pengangkutan air dijangka terus menyumbang kepada pertumbuhan subsektor terutamanya melalui aktiviti penghantaran kontena dan kargo yang tinggi. Segmen pengangkutan udara dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sejajar dengan peningkatan trafik penumpang udara serta pembukaan semula penerbangan antarabangsa secara berperingkat. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 27.6% pada 2022.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan diunjur kembali meningkat dengan ketara sebanyak 29.5% pada 2022 berikutan pengembangan dalam semua segmen. Subsektor ini melonjak semula sebanyak 29.6% pada separuh pertama 2022 berikutan peningkatan ketara kadar penginapan hotel dan bilangan pelanggan di restoran terutamanya disumbangkan oleh ketibaan pelancong yang bertambah kepada 2.1 juta. Subsektor ini dijangka terus meningkat sebanyak 29.5% pada separuh kedua didorong oleh pengembangan berterusan aktiviti berkaitan pelancongan. Prospek yang menggalakkan ini sejajar dengan semakan semula unjuran ketibaan pelancong sebanyak 9.2 juta dan terimaan pelancong sebanyak RM26.8 bilion pada 2022 oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Malaysia menjadi destinasi pilihan pelancong Muslim dan terus mengekalkan kedudukan teratas

selama empat tahun berturut-turut seperti dilaporkan dalam Global Muslim Travel Index 2022 (CrescentRating, 2022).

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan mencatat pemulihan sebanyak 15.4% pada separuh pertama 2022 disokong oleh peningkatan aktiviti pajakan dan penyewaan harta tanah serta permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan profesional khususnya aktiviti guaman dan perakaunan. Pada separuh kedua, subsektor ini dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan sebanyak 21.2% berikutan peningkatan kukuh dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan. Momentum pertumbuhan juga disokong oleh langkah Kerajaan seperti Inisiatif Pemilikan Rumah Keluarga Malaysia (i-MILIKI) dan Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya). Pengecualian duti setem sebanyak 100% ditawarkan di bawah i-MILIKI untuk pembeli rumah pertama ke atas pembelian harta tanah bernilai sehingga RM500,000 manakala i-Biaya memudahkan akses kepada kemudahan pembiayaan rumah untuk kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) dan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan (M40). Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 18.2% pada 2022.

Subsektor maklumat dan komunikasi berkembang sebanyak 6.1% pada separuh pertama 2022 disokong oleh segmen telekomunikasi berikutan penggunaan digital yang lebih tinggi dalam kalangan individu dan perniagaan serta peningkatan langganan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat telekomunikasi. Subsektor ini diunjur meningkat sebanyak 3.3% pada separuh kedua didorong oleh penggunaan tinggi yang berterusan dalam perkhidmatan e-dagang dan peningkatan langganan penstriman media seperti pakej sukan sempena Sukan Komanwel 2022 dan kempen Piala Dunia FIFA 2022. Sehubungan itu, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 4.7% pada 2022.

Subsektor utiliti mencatat peningkatan sebanyak 3.8% pada separuh pertama 2022 dan dijangka terus meningkat sebanyak 3% pada separuh kedua. Secara keseluruhan, subsektor ini diunjur berkembang sebanyak 3.4% pada 2022 berikutan penggunaan elektrik yang lebih tinggi terutamanya oleh segmen perindustrian, perniagaan dan kediaman sejajar dengan pembukaan semula semua sektor ekonomi dan kebenaran melaksanakan aktiviti sosial.

Pada separuh pertama 2022, subsektor kewangan dan insurans merosot secara marginal sebanyak 1.2% disebabkan oleh pertumbuhan negatif dalam Perkhidmatan Pengantaraan Kewangan Diukur Secara Tidak Langsung (FISIM) dan pendapatan berasaskan fi berikutan kadar faedah yang rendah. Segmen insurans juga mengalami penguncupan disebabkan oleh tuntutan yang lebih tinggi dan pulangan pelaburan yang lebih rendah. Pada separuh kedua, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan marginal sebanyak 0.1% disokong oleh peningkatan segmen kewangan sebanyak 2.9% berikutan penambahbaikan aktiviti FISIM. Walau bagaimanapun, segmen insurans dijangka terus merosot sebanyak 7.4%. Secara keseluruhan, pertumbuhan subsektor ini dijangka menguncup sebanyak 0.6%.

Subsektor perkhidmatan lain kembali meningkat sebanyak 7.7% pada separuh pertama 2022 berikutan peningkatan dalam segmen pendidikan dan kesihatan swasta sejajar dengan pendaftaran kemasukan yang lebih tinggi di kolej dan universiti swasta serta permintaan kukuh terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Peningkatan ini turut disokong oleh pemulihan dalam aktiviti sukan dan rekreasi berikutan situasi negara yang kembali normal. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 7.8% pada separuh kedua didorong oleh permintaan kukuh terhadap pendidikan dan penjagaan kesihatan swasta serta usaha berterusan untuk mempromosi pelancongan kesihatan. Secara keseluruhan, subsektor perkhidmatan lain dijangka pulih sebanyak 7.8% pada 2022. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan meningkat sebanyak 5.5% pada separuh pertama 2022 dan dijangka berkembang sebanyak 1.3% pada separuh kedua. Pada 2022, pertumbuhan subsektor ini diunjur mencatat 3.3%.

Sektor Pembuatan


Asas sektor pembuatan yang lebih meluas

Sektor **pembuatan** terus berkembang dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.9% pada separuh pertama 2022 disokong oleh industri berorientasikan eksport dan domestik. Industri berorientasikan eksport yang merangkumi 68.9% daripada sektor pembuatan berkembang sebanyak 7.1% manakala industri berorientasikan domestik meningkat sebanyak 9.7%. Sektor ini diunjur terus bertambah baik pada separuh kedua dengan kadar

pertumbuhan sebanyak 4.9% dipacu oleh pengeluaran yang lebih tinggi merentasi semua industri terutamanya daripada segmen E&E, peralatan pengangkutan serta segmen berkaitan logam.

Bagi industri berorientasikan eksport, segmen E&E dijangka dipacu oleh permintaan kukuh daripada pasaran semikonduktor global terutamanya produk cip. Segmen bahan kimia pula diunjur meningkat disumbangkan oleh permintaan lebih tinggi untuk produk perindustrian terutamanya bagi penggunaan berkaitan digital berikutan penerimgunaan teknologi terkini yang lebih meluas. Sementara itu, semua segmen dalam industri berorientasikan domestik dijangka terus berkembang terutamanya didorong oleh segmen berkaitan pengangkutan, makanan dan logam. Permintaan lebih kukuh bagi segmen berkaitan pengangkutan disokong oleh normalisasi aktiviti perindustrian dan perniagaan. Segmen berkaitan makanan dijangka mendapat manfaat daripada potensi penggunaan swasta yang lebih tinggi dan industri pelancongan yang bertambah baik. Di samping itu, lonjakan semula sektor pembinaan dijangka menyumbang kepada prestasi lebih baik bagi segmen berkaitan logam. Secara keseluruhan, sektor pembuatan diunjur meningkat sebanyak 6.3% pada 2022.

RAJAH 2.3. *Pengeluaran Sektor Pembuatan (% perubahan)*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 2.3. Indeks Pembuatan mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Januari – Julai 2021 dan 2022 (2015 = 100)

	INDEKS		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Industri berorientasikan eksport	128.9	137.9	13.6	7.0	70.0	68.9
Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	92.7	88.6	-14.7	-4.5	4.1	3.6
Pembuatan tekstil	111.6	118.2	18.1	6.0	0.8	0.7
Pembuatan pakaian	110.1	116.4	4.4	5.7	0.8	0.8
Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman	107.7	122.5	13.1	13.7	1.8	1.9
Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis	111.6	116.8	12.1	4.6	12.4	11.9
Pembuatan kimia dan produk kimia	116.5	122.4	9.1	5.1	8.8	8.5
Pembuatan produk getah	249.3	196.1	49.3	-21.3	6.6	4.7
Pembuatan produk plastik	125.0	131.5	15.3	5.2	3.4	3.2
Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal	139.9	164.7	16.5	17.7	23.0	24.9
Pembuatan kelengkapan elektrik	130.6	147.0	12.5	12.6	3.4	3.5
Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.	138.0	146.2	9.4	5.9	3.5	3.4
Pembuatan perabot	119.5	136.9	8.8	14.5	1.5	1.6
Industri berorientasikan domestik	112.8	127.4	8.4	12.9	30.0	31.1
Pembuatan produk prosesan makanan	142.7	156.7	8.7	9.8	6.2	6.3
Pembuatan minuman	110.5	131.6	11.1	19.0	0.8	0.9
Pembuatan produk tembakau	82.7	109.0	1.6	31.9	0.5	0.6
Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan	122.9	145.9	22.0	18.7	0.2	0.2
Pembuatan kertas dan produk kertas	125.8	137.6	14.5	9.4	1.7	1.7
Percetakan dan penerbitan semula media rakaman	111.3	119.0	7.3	7.0	1.2	1.2
Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani	151.0	162.5	14.5	7.6	0.7	0.7
Pembuatan produk galian bukan logam lain	97.4	109.0	5.9	11.9	3.4	3.5
Pembuatan logam asas	107.2	118.5	3.7	10.5	3.0	3.0
Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan	103.2	111.5	9.2	8.0	4.6	4.6
Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler	114.0	145.1	11.4	27.2	4.3	5.0
Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain	90.7	97.8	5.6	7.8	1.3	1.3
Pembuatan lain	102.9	116.7	10.6	13.4	0.9	0.9
Membaiki dan pemasangan jentera dan kelengkapan	116.4	129.8	3.2	11.5	1.1	1.1
Pembuatan	123.6	134.4	12.0	8.8	100.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Pertanian

Pemulihan subsektor kelapa sawit memacu pertumbuhan

Sektor **pertanian** mencatat penguncupan sebanyak 1.2% pada separuh pertama 2022 disebabkan oleh pengeluaran lebih rendah dalam kebanyakan subsektor berikutan kekurangan tenaga buruh yang berpanjangan. Walau bagaimanapun, sektor ini diunjur kembali pulih sebanyak 1.3% pada separuh kedua tahun ini disokong oleh pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) yang lebih tinggi berikutan jangkaan peningkatan kawasan tanaman matang dan pasaran buruh yang lebih baik. Peningkatan output subsektor ternakan dan pertanian lain dijangka terus menyokong prestasi sektor ini. Walau bagaimanapun, subsektor getah dijangka terus merosot disebabkan oleh jangkaan pengurangan aktiviti penorehan pada hujung tahun akibat keadaan cuaca yang tidak menggalakkan serta permintaan getah asli yang rendah dari China susulan penutupan beberapa bandar berikutan pelaksanaan dasar sifar COVID. Sektor pertanian dianggar kembali pulih sebanyak 0.1% pada tahun ini disokong oleh pertumbuhan positif dalam subsektor kelapa sawit, ternakan dan perikanan.

JADUAL 2.4. Nilai Ditambah Sektor Pertanian, 2021 – 2023
(pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
		2021	2022 ²	2023 ³
Kelapa sawit	35.6	-5.6	1.5	3.2
Getah	1.9	-8.4	-15.7	2.8
Ternakan	16.8	3.2	0.7	2.7
Pertanian lain ¹	29.0	5.8	-0.8	1.9
Perikanan	11.7	-0.6	3.3	1.4
Perhutanan dan pembalakan	5.0	0.9	-5.3	-2.3
Pertanian	100.0	-0.2	0.1	2.3

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Perlombongan

Pengeluaran minyak mentah kembali pulih

Sektor **perlombongan** menguncup sebanyak 0.8% pada separuh pertama 2022 disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan kondensat yang lebih rendah berikutan penutupan sementara beberapa loji bagi tujuan penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan dijangka kembali pulih pada separuh kedua tahun ini dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.1% dipacu oleh output gas asli yang lebih tinggi dari medan gas sedia ada dan baharu. Peningkatan pengeluaran minyak mentah dan kondensat terutamanya dengan pengoperasian semula medan minyak utama di Sabah turut menyokong pemulihan sektor ini. Harga tenaga global yang diunjur kekal tinggi akan mendorong sektor perlombongan untuk meningkatkan pengeluaran. Purata harga minyak mentah Brent dijangka mencatat USD100 setong bagi tahun ini berikutan peningkatan permintaan susulan peralihan kepada fasa endemik dan gangguan bekalan akibat ketegangan geopolitik yang berpanjangan di Eropah Timur. Secara keseluruhan, sektor perlombongan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 2.1% pada 2022.

Sektor Pembinaan


Aktiviti domestik yang kukuh merangsang pertumbuhan

Sektor **pembinaan** menguncup sebanyak 2.1% pada separuh pertama 2022 terutamanya disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. Sebaliknya, subsektor bangunan bukan kediaman dan aktiviti pembinaan khas mencatat pertumbuhan dalam tempoh yang sama sejajar dengan pengembangan aktiviti perniagaan meskipun harga bahan binaan meningkat. Pertumbuhan sektor ini dijangka kembali pulih pada separuh kedua sebanyak 6.9% disokong oleh peningkatan dalam semua subsektor. Pelaburan swasta yang bertambah baik dan aktiviti ekonomi domestik yang kukuh dijangka meningkatkan permintaan bagi bangunan perindustrian. Di samping itu, penyegeraan pelaksanaan projek infrastruktur

utama akan terus memacu prestasi sektor ini. Pembangunan harta tanah kediaman dijangka kekal aktif disokong oleh pelaksanaan berterusan langkah di bawah Bajet 2022 termasuk jaminan Kerajaan sehingga RM2 bilion


kepada bank melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) serta projek perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dengan peruntukan RM1.5 bilion. Pada 2022, sektor ini diunjur melonjak semula sebanyak 2.3%.

RAJAH 2.4. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

RAJAH 2.5. Indeks Harga Rumah (% perubahan)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

RAJAH 2.6. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara


RENCANA 2.2

Pengukuhan Sektor Pembinaan ke arah Pertumbuhan Ekonomi Mampan

Pengenalan

Sektor pembinaan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Seiring dengan Wawasan 2020 dan Rancangan Malaysia Keenam, sektor pembinaan di Malaysia berkembang pesat dari tempoh 1991 hingga 2000 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 7.2% seperti dalam Rajah 2.2.1. Sektor ini telah menyumbang kepada KDNK negara dengan purata bahagian tahunan sebanyak 3.9% bagi tempoh 1991 hingga 2020. Walaupun sumbangan sektor ini agak kecil, namun memberi kesan pengganda kepada ekonomi secara agregat melalui hubungan rantaian ke belakang dan ke hadapan dengan sektor ekonomi yang lain (Khan et al., 2014). Oleh itu, sebagai negara membangun, sumbangan sektor ini kekal penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Artikel ini menerangkan inisiatif Kerajaan dalam memperkukuh peranan sektor pembinaan bagi menyokong ekonomi terutamanya semasa krisis; menyediakan analisis rantaian antara sektor bagi sektor pembinaan¹ serta kesan perubahan produktiviti setiap subsektor kepada petunjuk ekonomi berkaitan; dan mengenal pasti isu, cabaran serta hala tuju sektor tersebut.

RAJAH 2.2.1. Prestasi Sektor Pembinaan Malaysia, 1981 – 2020
(% purata pertumbuhan dan bahagian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar pada harga malar)



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia


Perkembangan Sektor Pembinaan

Beberapa siri krisis ekonomi telah menyebabkan prestasi sektor pembinaan Malaysia tidak konsisten sepanjang empat dekad lalu seperti dalam Rajah 2.2.2. Krisis Komoditi 1985/1986, Krisis Kewangan Asia (AFC) 1997/1998, Krisis Kewangan Global (GFC) 2008/2009 dan pandemik COVID-19 telah menjejaskan sektor pembinaan dan ekonomi secara keseluruhan. Sektor ini terjejas teruk akibat pembatalan atau penangguhan projek pembinaan utama. Mengambil kira sumbangan dan

¹ Berdasarkan 124 industri dalam Jadual Input-Output 2019.

kesan limpahan yang signifikan ke atas sektor ekonomi lain, Kerajaan telah mengambil tindakan mitigasi ke atas impak negatif krisis khususnya melalui pelaksanaan projek infrastruktur awam dan menyediakan dasar sokongan bagi memulihkan sektor ini.

RAJAH 2.2.2. *Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar dan Sektor Pembinaan*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Krisis Komoditi 1985/1986 telah memberi impak besar kepada kedudukan fiskal negara menyebabkan Kerajaan menyusun semula keutamaan perbelanjaan pembangunan awam. Bagi membantu mengukuhkan pelbagai sektor terjejas termasuk pembinaan, Kerajaan telah memberi keutamaan kepada projek infrastruktur di samping menggalakkan pelaburan sektor swasta untuk membangunkan perumahan kos rendah bagi menempatkan semula setinggan dari kawasan tanah primer ke kawasan kediaman yang ditetapkan. Langkah ini juga sebagai menyokong peralihan negara ke arah negara perindustrian. Di samping itu, liberalisasi peraturan pemilikan harta tanah oleh warga asing pada 1986 telah menggalakkan warga asing memiliki bangunan komersial dan kediaman di Malaysia seterusnya menyumbang kepada peningkatan dalam aktiviti pembinaan.

Sektor pembinaan sekali lagi terjejas teruk semasa AFC dengan kemerosotan ketara sebanyak 24% pada 1998 berbanding pertumbuhan 10.6% pada 1997. Kerajaan telah melancarkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara untuk menangani krisis ini. Langkah yang diambil termasuk penubuhan tiga entiti utama iaitu Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat bertujuan memperkukuh aliran tunai entiti yang terjejas seterusnya menyokong keseluruhan ekosistem pembinaan. Di samping itu, Dana Pembangunan Infrastruktur bernilai RM5 bilion ditubuhkan untuk membiayai projek infrastruktur termasuk sistem pengangkutan bersepadu, lebuh raya dan pelabuhan. Hasilnya, prestasi sektor ini meningkat hampir 20 mata peratusan dengan mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 4.4% pada 1999.

Selepas 10 tahun krisis AFC, dunia berhadapan pula dengan krisis besar GFC. Malaysia sebagai ekonomi terbuka turut terjejas dengan krisis tersebut. Kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan fiskal bagi mengimbangi kesan kelembapan ekonomi global yang antara lain bertujuan

menyokong industri berkaitan pengangkutan, pendidikan, penjagaan kesihatan, kemudahan awam dan perumahan yang melibatkan pembinaan sebagai elemen utama. Susulan tindakan Kerajaan yang responsif, pertumbuhan sektor ini meningkat daripada 4.4% pada 2008 kepada 6.2% pada 2009 dan 11.4% pada 2010.

Seterusnya bagi menangani kesan pandemik COVID-19, pelbagai pakej rangsangan telah diperkenalkan untuk memulihkan aktiviti pelaburan domestik terutamanya dalam sektor pembinaan. Peruntukan baharu untuk pelbagai projek telah disediakan di bawah pakej tersebut seperti menaik taraf jalan serta membaik pulih sekolah usang yang merupakan projek tambahan kepada projek sedia ada di bawah peruntukan 2020. Selain itu, projek mega sedang dalam pembinaan seperti Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya dan Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) diberi keutamaan kerana mempunyai kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi. Justeru, pertumbuhan sektor ini telah mencatat kemerosotan lebih kecil sebanyak 5% pada 2021 berbanding penguncupan ketara sebanyak 19% pada 2020.

Sektor pembinaan di Malaysia juga memainkan peranan utama dalam pengumpulan stok modal negara seperti bangunan, jalan raya, rel kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang. Model pertumbuhan ekonomi Harrod-Domar menyatakan bahawa pelaburan bersih yang didefinisikan sebagai perubahan dalam stok modal diperlukan bagi perkembangan ekonomi (Domar, 1947; Harrod, 1948). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (1990) juga menjelaskan bahawa pembangunan infrastruktur memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi di Asia serta menjadi peneraju melalui peningkatan kapasiti serta kecekapan ekonomi.


Di samping itu, sektor pembinaan yang mampan mampu memastikan kemakmuran sosial dan kestabilan ekonomi (Alaloul et al., 2021). Siong H.C. (2006) juga menerangkan perkaitan yang jelas bahawa pembangunan bandar di Malaysia seperti Putrajaya dapat menyediakan ekosistem seimbang serta memberi manfaat kepada masyarakat dan ekonomi tempatan. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan merupakan contoh kejayaan projek pembangunan bandar bersepadu di Malaysia yang menggabungkan pembangunan institusi kerajaan dengan ekosistem seimbang dilengkapi pelbagai kemudahan dan infrastruktur serta pembangunan komersial dan kediaman. Projek mega ini memberi kesan limpahan yang signifikan ke atas ekonomi termasuk mewujudkan penempatan baharu, meningkatkan pendapatan isi rumah dan nilai hartanah, menyediakan peluang pekerjaan serta merencanakan industri pelancongan.

Rantaian antara Sektor

Sektor ini mempunyai rantaian penting dengan sektor ekonomi lain merangkumi rantaian ke belakang dan ke hadapan meskipun sumbangan sektor pembinaan adalah kecil kepada KDNK. Sektor pembinaan memerlukan pelbagai sumber input ekonomi dan mewujudkan rantaian ke belakang. Pada masa yang sama, output daripada sektor pembinaan disalurkan kembali kepada sektor ini dan sektor lain seterusnya menghasilkan rantaian ke hadapan. Bon (1988) menyatakan bahawa analisis input-output diterima sebagai rangka kerja ideal untuk mengkaji penggunaan sumber langsung dan tidak langsung dalam sektor pembinaan dan kesalingbergantungan dengan sektor lain. Sebagai contoh, batu bata dalam sektor pembuatan digunakan untuk membina lot komersial (sektor pembinaan) yang akan dijadikan sebagai restoran (sektor perkhidmatan).

Kekuatan hubungan antara sektor ekonomi boleh dilihat melalui pengiraan indeks kuasa serakan dan juga indeks sensitiviti serakan. Indeks kuasa serakan dan sensitiviti serakan dihasilkan melalui penormalan rantaian ke belakang dan rantaian ke hadapan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Indeks berkenaan diukur bagi mengenal pasti sektor yang berpotensi dalam ekonomi. Sektor yang mempunyai nilai indeks melebihi satu berupaya menyediakan output secara lebih meluas dan mempunyai pengaruh kepada ekonomi yang lebih besar. Berdasarkan Jadual Input-Output (IO) 2019, analisis Kementerian Kewangan (MoF) menganggarkan bahawa sektor pembinaan mempunyai indeks kuasa serakan melebihi satu dan terbesar berbanding sektor ekonomi lain. Manakala, indeks sensitiviti serakan bagi sektor pembinaan mempunyai nilai kurang daripada satu. Indeks kuasa serakan dan sensitiviti serakan antara sektor pembinaan dengan sektor ekonomi lain seperti dalam Rajah 2.2.3.

RAJAH 2.2.3. Indeks Kuasa Serakan dan Sensitiviti Serakan Sektor Pembinaan dengan Sektor Lain



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Berdasarkan Jadual IO 2019, empat daripada 124 industri berada di bawah sektor pembinaan iaitu subsektor bangunan kediaman, bangunan bukan kediaman, kejuruteraan awam dan aktiviti pertukangan khas. Analisis MoF yang menggunakan model *Dynamic Computable General Equilibrium* menganggarkan peningkatan produktiviti dalam subsektor pembinaan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi berikutan rantaian antara sektor yang tinggi seperti dalam Jadual 2.2.1. Pada masa yang sama, industri seperti perlombongan bijih besi; pertukangan kayu dan tanggam untuk jurubina; tanaman makanan; serta alatan pendawaian, kelengkapan pencahayaan elektrik dan elektrik lain juga dijangka mendapat manfaat daripada rantaian antara sektor seperti dalam Rajah 2.2.4.

JADUAL 2.2.1. Implikasi Kenaikan 1% dalam Produktiviti Subsektor Pembinaan kepada Penunjuk Ekonomi, Sisihan paras asas (mata peratusan)

	KEJURUTERAAN AWAM	BANGUNAN KEDIAMAN	BANGUNAN BUKAN KEDIAMAN	AKTIVITI PERTUKANGAN KHAS
KDNK Benar	0.01	0.01	0.00	0.01
Pelaburan	0.05	0.02	0.04	0.03
Eksport	0.01	0.00	0.00	0.00
Import	0.01	0.01	0.01	0.01

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

RAJAH 2.2.4. Penerima Manfaat Paling Tinggi daripada Peningkatan Produktiviti dalam Subsektor Pembinaan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Isu dan Cabaran

Peningkatan Kos Menjalankan Perniagaan

Peningkatan kos bahan binaan memberi kesan kepada input pembinaan dan menjadi kebimbangan utama industri. Memandangkan pengoperasian industri sangat bergantung kepada kedudukan aliran tunai, peningkatan kos bahan mentah akan mempengaruhi aliran tunai dan kemampuan

firma dalam jangka masa panjang. Ketidaktentuan harga bahan binaan mudah dipengaruhi oleh faktor seperti tekanan inflasi, gangguan rantai bekalan serta perancangan dan penjadualan yang lemah. Dalam hal ini, Musarat et al. (2020) menjelaskan bahawa kadar inflasi mempengaruhi sisihan harga bahan binaan dengan ketara. Peningkatan kos serta keperluan pelaburan yang lebih besar merupakan cabaran utama bagi pemain baharu untuk memasuki industri pembinaan terutamanya syarikat kecil dan sederhana.

Kekangan Masa

Pengurusan masa merupakan faktor penting yang menentukan prestasi sektor. Penjadualan semula garis masa projek dan lanjutan masa serta lain-lain kelewatan memberi implikasi negatif yang menjejaskan kemajuan pembinaan. Menurut Zamani et al. (2021), proses kelulusan pihak berkuasa yang panjang dan tempoh singkat bagi aktiviti pembinaan di samping situasi luar jangka telah mengakibatkan perubahan garis masa sehingga menjejaskan operasi projek. Perubahan syarat dan keperluan yang kerap boleh menjejaskan sektor pembinaan mencapai pengurusan masa dan kos yang efektif.

Produktiviti Buruh yang Rendah

Produktiviti buruh yang rendah merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh sektor pembinaan di Malaysia memandangkan negara amat bergantung kepada tenaga kerja asing (Najib et al., 2019). Kebergantungan tinggi kepada pekerja asing boleh memberi kesan buruk kepada produktiviti dan tahap kualiti berikutan kebanyakan pekerja asing merupakan pekerja tidak mahir seterusnya menyebabkan produktiviti pengeluaran pembinaan yang rendah. Selain itu, Wong et al. (2020) juga menyatakan bahawa sektor pembinaan di Malaysia mencatat tahap produktiviti yang tidak memuaskan kerana sebahagian besar guna tenaga sektor pembinaan terdiri daripada pekerja asing berkemahiran rendah.

Melangkah ke Hadapan

Mempercepat Digitalisasi

Model perniagaan dan operasi sektor pembinaan di Malaysia banyak bergantung kepada tenaga kerja manual dan penggunaan teknologi yang rendah. Bank Dunia (2018) melaporkan bahawa rakyat Malaysia menggunakan teknologi digital secara meluas, namun penggunaan digital oleh perniagaan di Malaysia masih ketinggalan berbanding purata global pada 2015 dengan hanya 29% perniagaan mempunyai laman web manakala 5.2% sahaja terlibat dalam e-dagang. Walaupun sektor ini lebih berintensifkan buruh, penggunaan teknologi yang bersesuaian dan produk pendigitalan seperti permodelan maklumat bangunan (BIM), sistem binaan berindustri (IBS), internet benda (IoT) dan analitik data raya (BDA) akan menambah baik pengurusan dan kawal selia proses pembinaan. Zhang et al. (2018) turut menyokong BIM sebagai kaedah dalam mencapai prinsip pembinaan *lean* untuk memantapkan koordinasi dan kerjasama ahli pasukan projek, menambah baik kualiti projek serta mengurangkan pembaziran ke arah produktiviti yang lebih tinggi.

Penerimaan Amalan Baharu

Malaysia sedang menuju ke arah automasi dalam sektor pembinaan dan menggalakkan penerapan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam amalan perniagaan. Peralihan ini akan memastikan daya saing dan kemampuan perniagaan dalam jangka masa panjang. Penambahbaikan sektor pembinaan melalui pendigitalan telah digariskan dalam Pelan Strategik Pembinaan 4.0 Malaysia (2021 - 2025). Rancangan lima tahun tersebut terdiri daripada 12 teknologi baru muncul seperti dalam Rajah 2.2.5 yang dijangka meningkatkan sektor pembinaan

sejajar dengan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Pelan ini menggariskan rangka kerja bagi meningkatkan keupayaan sektor pembinaan melalui empat pemboleh daya yang dikenal pasti iaitu manusia, teknologi bersepadu, ekonomi dan tadbir urus. Justeru, projek pembinaan akan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap melalui pengoptimuman nilai dan pengurangan pembaziran. Ferrero-Ferrero et al. (2016) turut menjelaskan bahawa komitmen dan keberkesanan syarikat boleh diukur melalui amalan ESG yang konsisten ke arah mewujudkan kelebihan daya saing.

RAJAH 2.2.5. 12 Teknologi Baru Muncul di bawah Pelan Strategik Pembinaan 4.0, 2021 – 2025



Sumber: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Pembangunan kemahiran tenaga kerja

Kemahiran dan kepakaran diperlukan untuk melaksanakan kaedah teknikal pembinaan memandangkan sektor ini sedang menuju ke arah automasi dan pendigitalan. Ibrahim et al. (2010) menyatakan bahawa sumber manusia dan kemahiran dalam industri pembinaan merupakan cabaran utama bagi memenuhi perubahan permintaan yang pantas. Sehubungan itu, sektor pembinaan di Malaysia perlu melabur dalam pembangunan kapasiti tenaga kerja dan profesional bagi meningkatkan keupayaan, daya saing dan prestasi operasi. Berdasarkan Pelan Strategik Pembinaan 4.0, transformasi teknologi pembinaan memerlukan pelaburan syarikat dalam pembangunan bakat bagi meningkatkan produktiviti dan prestasi sektor secara keseluruhan.

Kesimpulan

Sektor pembinaan memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia terutamanya melalui hubungan rantaian dengan sektor ekonomi lain. Justeru, Kerajaan memberi tumpuan kepada sektor pembinaan menerusi pelbagai inisiatif bagi mendepani impak krisis ekonomi. Pada masa yang sama, isu dan cabaran yang dihadapi sehingga kini menjadikan sektor pembinaan lebih berdaya tahan. Penerimgunaan dasar automasi, pendigitalan dan ESG serta pewujudan kemahiran dan kepakaran yang relevan akan mentransformasi sektor ini sejajar dengan peningkatan permintaan ekonomi. Kepentingan merancang pembangunan dan pertumbuhan sektor ini bukan sahaja akan menyumbang kepada KDNK malah menggalakkan pemain industri menjadi pesaing utama pada peringkat global.

Permintaan Domestik

Permintaan domestik terus memacu momentum pemulihan

Permintaan domestik terus memacu pertumbuhan dan berkembang sebanyak 8.6% pada separuh pertama 2022 terutamanya disokong oleh permintaan yang meningkat sejajar dengan peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa yang merancakkan aktiviti ekonomi. Permintaan domestik dijangka terus meningkat sebanyak 4.1% pada separuh kedua dan berkembang sebanyak 6.3% untuk keseluruhan tahun seterusnya menyumbang 5.8 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Sektor swasta dijangka terus memacu pertumbuhan dan berkembang sebanyak 7.5% pada 2022 dengan sumbangan kepada KDNK sebanyak 75.1% didorong oleh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan. Pada masa yang sama, pertumbuhan perbelanjaan sektor awam dijangka mencatat 1.3% dengan sumbangan kepada KDNK sebanyak 17.4%.

JADUAL 2.5. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat, 2021 - 2023 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
		2022 ²	2021	2022 ²
Permintaan domestik	92.5	1.7	6.3	5.1
Perbelanjaan swasta	75.1	2.0	7.5	5.8
Penggunaan	60.0	1.9	8.7	6.3
Pelaburan	15.1	2.6	3.0	3.7
Perbelanjaan awam	17.4	0.6	1.3	2.0
Penggunaan	13.1	5.3	1.0	2.0
Pelaburan	4.3	-11.3	2.2	2.1
Sektor luar¹	6.2	-4.1	10.0	3.2
Eksport	70.6	15.4	8.8	1.6
Import	64.4	17.7	8.7	1.4
KDNK	100.0	3.1	6.5 - 7.0	4.0 - 5.0

¹ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 11.5% pada separuh pertama 2022 didorong oleh peningkatan pendapatan isi rumah berikutan pemulihan ekonomi yang menyeluruh, pasaran buruh yang bertambah baik dengan lebih banyak peluang pekerjaan, semakan gaji minimum kepada RM1,500 serta pendapatan yang lebih tinggi dalam industri berkaitan komoditi. Pembukaan semula sempadan antarabangsa juga telah menyumbang kepada prestasi penggunaan yang kukuh terutamanya melalui peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan berdasarkan trend ketibaan dan terimaan pelancong yang bertambah sejak April 2022. Kerajaan telah meneruskan langkah dasar yang merangkumi program subsidi upah, JaminKerja, *Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP) serta inisiatif peningkatan kemahiran dan kemahiran semula bagi menyokong pasaran buruh. Pengeluaran khas KWSP pada April 2022 turut memberi sokongan tambahan kepada perbelanjaan swasta khususnya dalam kalangan pencarum yang terjejas dengan ketara akibat pandemik COVID-19. Prestasi penggunaan swasta turut ditunjukkan melalui jualan kereta penumpang yang meningkat sebanyak 31.2% pada separuh pertama 2022 terutamanya berikutan pengecualian cukai jualan ke atas pembelian kereta penumpang. Penunjuk penggunaan lain juga mencatat peningkatan seperti import barangan penggunaan sebanyak 21.1% dan pengeluaran kredit penggunaan 31.9%.

Pada separuh kedua 2022, penggunaan swasta dijangka meningkat sebanyak 6% sejajar dengan pemulihan yang berterusan dalam pasaran buruh melalui kadar pengangguran yang lebih rendah serta pertumbuhan dalam gaji dan upah di samping aktiviti ekonomi dan sosial yang lebih menggalakkan termasuk aktiviti berkaitan pelancongan. Selain itu, langkah sokongan oleh Kerajaan khususnya bantuan tunai kepada isi rumah B40 dan penerusan subsidi kepenggunaan ke atas barangan dan perkhidmatan terpilih dijangka menyokong perbelanjaan isi rumah serta

mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup. Justeru, penggunaan swasta dianggar berkembang sebanyak 8.7% pada 2022.

Pada separuh pertama 2022, **pelaburan swasta** meningkat 3.3% apabila aktiviti ekonomi diteruskan semula berikutan pelonggaran langkah kawalan dan pembukaan sempadan antarabangsa. Penunjuk yang menggambarkan peningkatan prestasi pelaburan termasuk import barangan pengantara sebanyak 32.8% dan import barangan modal 12.4%. Di samping itu, Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan terus menerima pelaburan asing yang menggalakkan berikutan permintaan luar yang kukuh dan peningkatan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) bersih terus melonjak dalam tempoh enam bulan pertama 2022 dan mencecah RM41.7 bilion berbanding RM20.2 bilion dalam tempoh yang sama pada 2021. Kemasukan FDI bertumpu terutamanya dalam sektor pembuatan, aktiviti kewangan dan insurans/takaful serta perdagangan borong dan runcit.

Pada separuh kedua tahun ini, pelaburan swasta dijangka berkembang sebanyak 2.5%. Unjuran ini sejajar dengan Indeks Peneraju yang mencatat 109.5 mata pada Julai 2022 melebihi paras 100 mata menunjukkan keyakinan lebih tinggi dalam tempoh beberapa bulan akan datang. Secara keseluruhan, pelaburan swasta pada 2022 dijangka meningkat 3% disokong oleh perbelanjaan modal berterusan terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif serta memudah cara sektor swasta dalam mempercepat penerimgunaan digitalisasi dan mempergiat aktiviti inovasi. Usaha akan terus dipertingkatkan untuk menarik lebih banyak projek berkualiti dan berimpak tinggi yang akan mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA). Dalam hal ini, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

(MIDA) telah meluluskan pelaburan berjumlah RM123.3 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2022 melibatkan projek baharu serta pengembangan dan kepelbagaian projek sedia ada terutamanya dalam sektor perkhidmatan (RM78 bilion). Pelaburan asing yang diluluskan terus mencatat jumlah terbesar sebanyak RM87.4 bilion daripada jumlah pelaburan yang diluluskan terutamanya dari China (RM48.6 bilion), Jerman (RM9 bilion) dan Singapura (RM6 bilion).


Pelaburan awam kembali mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1% pada separuh pertama 2022 terutamanya dipacu oleh perbelanjaan modal syarikat awam yang lebih tinggi. Pelaburan awam diunjur berkembang sebanyak 3.1% pada separuh kedua dan 2.2% bagi keseluruhan tahun. Perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan terus mengutamakan pelaburan dengan impak pengganda yang tinggi kepada ekonomi. Peruntukan DE akan disalurkan terutamanya dalam projek yang menggalakkan pembangunan mampan, meningkatkan taraf hidup rakyat, mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi serta menambah baik infrastruktur pengangkutan selaras dengan objektif yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12).

Penggunaan awam mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% pada separuh pertama 2022 disumbangkan oleh perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Bagi keseluruhan tahun, penggunaan awam dijangka berkembang sebanyak 1% selari dengan usaha berterusan Kerajaan mengoptimumkan perbelanjaan mengurus tanpa menjejaskan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Tabungan Negara Kasar (TNK) dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 6.7% pada 2022 selari dengan jangkaan peningkatan pendapatan negara nominal sebanyak 9.2%. Sehubungan itu, TNK dijangka kekal tinggi pada RM429.9 bilion atau 26.2% daripada pendapatan negara kasar (PNK). Jumlah

perbelanjaan pelaburan diunjur meningkat sebanyak 10.1% kepada RM379 bilion atau 23.1% daripada PNK. Oleh itu, jurang tabungan-pelaburan dijangka mencatat lebih sebanyak RM50.8 bilion atau 3.1% daripada PNK yang membolehkan Malaysia membiayai aktiviti ekonomi terutamanya daripada sumber domestik.

RAJAH 2.7. *Jurang Tabungan-Pelaburan (% daripada PNK)*



¹Anggaran

²Unjuran

³Termasuk perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pendapatan

Perkongsian pendapatan negara secara lebih wajar kekal mencabar

Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan berikutan peningkatan jumlah perniagaan yang kembali beroperasi secara normal pascapandemik COVID-19 telah menghasilkan

pertumbuhan positif kepada pendapatan negara. **Pampasan pekerja (PP)**² meningkat sebanyak 2.2% kepada RM537.9 bilion pada 2021 berbanding RM526.6 bilion pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, bahagian PP kepada KDNK berkurang kepada 34.8% disebabkan oleh pertumbuhan KDNK nominal yang lebih cepat iaitu sebanyak 9% berbanding PP. Keadaan hampir sama juga berlaku di banyak negara semasa pandemik. Namun demikian, bahagian PP dijangka meningkat sedikit kepada 34.9% pada 2022 seiring dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Bahagian tertinggi PP akan terus disumbangkan oleh sektor perkhidmatan (63.1%) dan pembuatan (23.1%) terutamanya dalam subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta produk elektrik, elektronik dan optik.

Lebih kendalian kasar (LKK)³ meningkat sebanyak 14% dan merekodkan 62.9% bahagian daripada KDNK pada 2021. Pemilik modal memperoleh peningkatan pendapatan dua digit iaitu 24.5% daripada pertumbuhan ekonomi berikutan beberapa industri tertentu telah mendapat faedah yang ketara daripada harga komoditi yang lebih tinggi. Sementara itu, pendapatan campuran yang diterima golongan bekerja sendiri, perusahaan yang tidak berdaftar dan lain-lain merekodkan penguncupan sebanyak 6.5% disebabkan oleh prospek pekerjaan dan pendapatan yang lebih rendah bagi kumpulan ini semasa pandemik. Secara keseluruhan, bahagian LKK daripada KDNK dijangka terus meningkat kepada 64.4% pada 2022 disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Walau bagaimanapun, pendapatan campuran bagi golongan yang bekerja sendiri dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.7% berbanding 18.4% bagi pemilik modal memandangkan perniagaan masih belum pulih sepenuhnya pascapandemik.

² Termasuk upah dan gaji yang dibayar secara tunai, elaun dan perbelanjaan lain kepada pekerja yang diterima dalam bentuk bukan tunai (termasuk makanan, pakaian seragam, pengangkutan, dll.) serta sumbangan sosial berkaitan pekerjaan.

³ Terdiri daripada lebihan kendalian kepada pemilik modal dan pendapatan campuran bagi golongan yang bekerja sendiri dan perusahaan yang tidak berdaftar dan lain-lain.

JADUAL 2.6. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2020 – 2023 (pada harga semasa)*

	BAHAGIAN (%)				PERUBAHAN (%)			
	2020	2021	2022 ¹	2023 ²	2020	2021	2022 ¹	2023 ²
Pampasan pekerja	37.1	34.8	34.9	35.2	-3.0	2.2	11.0	6.9
Lebih kendalian kasar	60.1	62.9	64.4	62.2	-6.9	14.0	13.5	2.4
Lebih kendalian	39.7	45.3	48.5	45.2	-4.6	24.5	18.4	-1.1
Pendapatan campuran	20.4	17.5	15.9	17.0	-10.7	-6.5	0.7	13.2
Cukai tolak subsidi	2.7	2.3	0.7	2.6	-30.4	-8.0	-64.8	276.4
KDNK pada harga pembeli	100.0	100.0	100.0	100.0	-6.3	9.0	10.8	6.0

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.7. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan bagi Negara Terpilih, 2019 – 2021*

	PAMPASAN PEKERJA			LEBIHAN KENDALIAN KASAR			CUKAI TOLAK SUBSIDI		
	2019	2020	2021	2019	2020	2021	2019	2020	2021
	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)								
Malaysia	35.9	37.1	34.8	60.5	60.1	62.9	3.7	2.7	2.3
Filipina	34.4	34.8	36.7	57.9	58.6	55.7	7.7	6.6	7.6
Singapura	39.9	42.8	39.4	53.1	56.5	55.7	6.9	0.7	4.9
Republik Korea	47.5	48.2	47.9	43.0	41.9	41.9	9.6	9.9	10.2
Australia	47.2	48.2	47.7	42.8	44.7	46.5	10.0	7.1	5.8
Belanda	47.8	50.9	49.0	41.1	41.4	41.9	11.0	7.7	9.0
Kanada	50.8	52.5	50.7	38.2	40.1	40.3	11.0	7.4	9.0
United Kingdom	48.7	52.6	51.6	39.6	41.1	39.5	11.8	5.9	8.8
Jerman	53.4	54.7	53.8	36.8	37.1	38.2	9.8	8.1	7.9
Amerika Syarikat	53.4	55.0	54.2	40.0	41.4	41.0	6.6	3.7	4.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import⁴ mencatat penguncupan lebih rendah sebanyak 8% pada 2021 disumbangkan oleh pertumbuhan positif dalam pendapatan hasil cukai yang diterima iaitu 5.8% manakala perbelanjaan untuk subsidi dan insentif meningkat sebanyak 28.7%. Hampir separuh daripada perbelanjaan subsidi dan insentif telah diperuntukkan untuk program subsidi upah dan geran khas kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana bagi membantu perniagaan meneruskan operasi semasa

pandemik COVID-19. Pada 2022, pendapatan daripada cukai ke atas pengeluaran dan import dijangka meningkat sebanyak 8.2% berikutan pertambahan pendapatan daripada cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai ke atas pengeluaran dan import. Walau bagaimanapun, cukai bersih ke atas pengeluaran dan import secara keseluruhan dijangka mencatat penguncupan lebih tinggi sebanyak 64.8% disebabkan oleh peningkatan mendadak dalam perbelanjaan subsidi khususnya bagi subsidi petroleum.

⁴ Terdiri daripada cukai ke atas produk dan cukai lain ke atas pengeluaran ditolak subsidi ke atas produk dan subsidi lain ke atas pengeluaran.

Sektor Luar Negeri

Prestasi yang terus memberangsangkan

Prestasi Perdagangan

Eksport kasar dijangka meningkat 17.4% pada 2022 didorong oleh permintaan luar yang kukuh daripada rakan dagang utama berikutan peningkatan kitaran teknologi dan digitalisasi global yang pantas. Eksport barangan

pembuatan dianggar berkembang 15% berikutan permintaan lebih tinggi bagi produk E&E sebanyak 26.9% dan bukan E&E sebanyak 6.1%. Peningkatan eksport E&E dijangka terus menunjukkan prestasi kukuh disokong oleh permintaan luar yang stabil walaupun terdapat gangguan bekalan cip pada peringkat global. Produk seperti semikonduktor, kelengkapan peralatan telekomunikasi dan peralatan pemrosesan data automatik menyumbang bahagian terbesar dalam komponen E&E.

JADUAL 2.8. *Perdagangan Luar Negeri, 2021 – 2023*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²
Jumlah dagangan	2,228,366	2,634,758	2,669,392	24.9	18.2	1.3
Eksport kasar	1,241,022	1,456,448	1,488,859	26.1	17.4	2.2
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	1,068,431	1,228,384	1,256,892	25.8	15.0	2.3
Pertanian	98,093	123,777	125,901	36.8	26.2	1.7
Perlombongan	69,757	97,496	99,054	19.4	39.8	1.6
Import kasar	987,344	1,178,309	1,180,533	23.3	19.3	0.2
<i>antaranya:</i>						
Barangan modal	103,823	113,028	113,349	14.4	8.9	0.3
Barangan pengantara	545,801	658,656	660,292	27.2	20.7	0.2
Barangan penggunaan	83,893	98,168	98,333	13.2	17.0	0.2
Imbangan dagangan	253,678	278,139	308,326	38.4	9.6	10.9

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.9. *Eksport Kasar, Januari – Ogos 2021 dan 2022*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Pembuatan	673,357	853,293	25.8	26.7	86.5	84.1
Pertanian	58,127	81,972	32.1	41.0	7.5	8.1
Perlombongan	44,035	74,610	6.8	69.4	5.7	7.4
Lain-lain ¹	3,030	4,530	7.5	49.5	0.4	0.4
Eksport kasar	778,548	1,014,404	24.9	30.3	100.0	100.0

¹ Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

JADUAL 2.10. Eksport Barangan Pembuatan, Januari – Ogos 2021 dan 2022

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
E&E	282,738	380,777	18.8	34.7	42.0	44.6
Bukan E&E	390,618	472,516	31.5	21.0	58.0	55.4
Produk petroleum	59,982	103,571	37.2	72.7	8.9	12.1
Kimia dan produk kimia	44,699	53,098	36.4	18.8	6.6	6.2
Barangan pembuatan logam	35,873	44,805	55.9	24.9	5.3	5.3
Jentera, kelengkapan dan peralatan	31,359	40,078	23.6	27.8	4.7	4.7
Barangan optik dan saintifik	29,652	36,535	11.6	23.2	4.4	4.3
Produk pembuatan berasaskan minyak sawit	19,965	28,931	44.1	44.9	3.0	3.4
Produk getah	50,574	21,075	110.6	-58.3	7.5	2.5
Barangan makanan diproses	15,508	18,343	12.7	18.3	2.3	2.1
Produk besi dan keluli	17,335	22,747	10.3	31.2	2.6	2.7
Kelengkapan pengangkutan	10,089	11,045	-22.7	9.5	1.5	1.3
Tekstil, pakaian dan kasut	10,122	11,792	16.0	16.5	1.5	1.4
Barangan pembuatan plastik	10,335	11,631	20.6	12.5	1.5	1.4
Produk kayu	10,326	12,725	4.9	23.2	1.5	1.5
Produk galian bukan logam	6,786	7,850	33.5	15.7	1.0	0.9
Barang kemas	3,493	4,679	52.8	34.0	0.5	0.5
Produk kertas dan pulpa	5,421	6,329	29.0	16.7	0.8	0.7
Minuman dan tembakau	1,574	1,703	-3.3	8.2	0.2	0.2
Produk pembuatan lain	27,525	35,580	10.3	29.3	4.1	4.2
Eksport barangan pembuatan	673,357	853,293	25.8	26.7	100.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

RAJAH 2.8. Rakan Dagang 10 Teratas, Januari – Ogos 2022 (% bahagian)



Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Sementara itu, eksport produk bukan E&E terutamanya produk petroleum dan produk pembuatan berasaskan minyak sawit dijangka berkembang pada 2022 disumbangkan oleh permintaan luar yang kukuh dan harga komoditi yang tinggi. Eksport barangan pertanian juga diunjur meningkat sebanyak 26.2% didorong oleh permintaan minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli. Peningkatan permintaan terutamanya dari Arab Saudi, China, India dan Mesir dijangka meningkatkan eksport minyak sawit sebanyak 32.8%. Pertambahan jumlah eksport sebahagiannya disumbangkan oleh harga minyak sawit yang melonjak berikutan gangguan bekalan

minyak bunga matahari dari Ukraine yang telah meningkatkan permintaan bagi minyak pengganti lain terutamanya minyak sawit. Selain itu, eksport barangan perlombongan diunjur meningkat sebanyak 39.8% disokong oleh peningkatan permintaan global bagi petroleum mentah sebanyak 54.4% dan LNG 39.3%. Malaysia sebagai pengeksport komoditi bersih menerima manfaat daripada lonjakan harga minyak mentah, gas asli dan minyak sawit.

Import kasar dijangka berkembang sebanyak 19.3% pada 2022 terutamanya disokong oleh barangan pengantara dan barangan modal berikutan pemulihan berterusan aktiviti

JADUAL 2.11. *Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir, Januari – Ogos 2021 dan 2022*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Barangan modal	66,781	77,423	10.8	15.9	10.6	9.0
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	63,054	69,003	0.8	9.4	10.0	8.0
Kelengkapan pengangkutan (perindustrian)	3,727	8,420	-262.8	125.9	0.6	1.0
Barangan pengantara	348,480	472,308	23.2	35.5	55.5	55.0
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	17,639	23,525	33.7	33.4	2.8	2.7
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	31,623	71,941	-2.5	127.5	5.0	8.4
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. ¹	176,419	213,016	35.9	20.7	28.1	24.8
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	122,800	163,826	14.3	33.4	19.5	19.1
Barangan penggunaan	54,338	67,982	13.5	25.1	8.6	7.9
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	23,857	29,774	11.2	24.8	3.8	3.5
Kelengkapan pengangkutan (bukan perindustrian)	1,097	1,220	89.7	11.3	0.2	0.1
Barangan pengguna lain	29,384	36,988	13.8	25.9	4.7	4.3
Barangan tahan lama	7,899	9,208	35.9	16.6	1.3	1.1
Barangan separa tahan lama	8,379	11,458	4.2	36.7	1.3	1.3
Barangan tidak tahan lama	13,106	16,321	9.6	24.5	2.1	1.9
Lain-lain	15,668	27,707	21.6	76.8	2.5	3.2
Eksport semula	143,189	213,411	21.3	49.0	22.8	24.8
Import kasar	628,456	858,832	20.4	36.7	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

ekonomi domestik susulan pembukaan semula sektor ekonomi. Import barangan penggunaan juga dianggap meningkat susulan permintaan isi rumah yang lebih tinggi berikutan penambahbaikan secara beransur-ansur dalam prospek pekerjaan dan pendapatan. Import barangan pengantara dengan sumbangan terbesar iaitu 55.9% diunjur meningkat sebanyak 20.7% diikuti barangan modal 8.9% dan barangan penggunaan 17%. Sementara itu, barangan modal merangkumi 9.6% daripada jumlah import kasar dan barangan penggunaan sebanyak 8.3%.

Imbangan Pembayaran

Lebih akaun semasa **imbangan pembayaran** mengecil kepada RM7.4 bilion atau 0.9% daripada PNK pada separuh pertama 2022. Pengurangan ini disebabkan oleh lebih rendah dalam akaun barangan dan defisit lebih besar dalam akaun pendapatan walaupun

akaun perkhidmatan mencatat defisit lebih kecil. Pada separuh kedua 2022, lebih akaun semasa dianggap meningkat kepada RM43.4 bilion atau 5.3% daripada PNK berikutan lebih lebih besar dalam akaun barangan meskipun akaun perkhidmatan dan pendapatan mencatat defisit lebih besar. Prestasi memberangsangkan ini dijangka berterusan sehingga akhir 2022 dengan lebih akaun semasa mengecil kepada RM50.8 bilion atau 3.1% daripada PNK.

Akaun barangan dijangka mencatat lebih yang lebih tinggi pada 2022 sebanyak RM195 bilion disokong oleh peningkatan eksport barangan pembuatan, pertanian dan perlombongan. Sementara itu, akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit lebih kecil sebanyak RM59.7 bilion berikutan peningkatan terimaan dalam akaun perjalanan walaupun akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain merekodkan defisit lebih

JADUAL 2.12. *Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2021 – 2023 (RM juta)*

	2021			2022 ¹			2023 ²		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
Imbangan barangan dan perkhidmatan	1,063,817	953,972	109,845	1,264,686	1,129,431	135,255	1,322,984	1,159,342	163,642
Barangan	977,076	806,503	170,573	1,146,539	951,538	195,001	1,186,754	970,511	216,243
Perkhidmatan	86,741	147,469	-60,728	118,147	177,893	-59,746	136,230	188,831	-52,601
Pengangkutan	15,455	47,907	-32,452	21,359	55,805	-34,446	24,815	58,728	-33,913
Perjalanan	320	14,884	-14,563	13,362	24,138	-10,777	23,848	29,553	-5,705
Perkhidmatan lain	70,965	84,679	-13,713	83,426	97,949	-14,523	87,567	100,550	-12,983
Pendapatan primer	98,166	139,716	-41,551	78,930	148,433	-69,504	80,714	151,084	-70,370
Pampasan pekerja	6,487	13,090	-6,603	6,840	14,736	-7,896	6,936	15,995	-9,059
Pendapatan pelaburan	91,679	126,627	-34,948	72,089	133,697	-61,608	73,778	135,089	-61,311
Pendapatan sekunder	20,503	30,098	-9,594	24,675	39,586	-14,911	25,675	45,906	-20,231
Imbangan akaun semasa	1,182,486	1,123,786	58,700	1,368,290	1,317,449	50,841	1,429,373	1,356,333	73,040
% daripada PNK			3.9			3.1			4.2

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

tinggi. Pembukaan sempadan antarabangsa dan peralihan kepada fasa endemik telah menyumbang kepada peningkatan ketibaan pelancong dan menjadikan defisit lebih kecil dalam akaun perjalanan sebanyak RM10.8 bilion. Sebaliknya, akaun pengangkutan dijangka mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM34.4 bilion disebabkan oleh perolehan pendapatan lebih rendah oleh syarikat tempatan yang melibatkan tambang penumpang syarikat penerbangan dan caj fret. Caj lapangan terbang dan pelabuhan untuk aktiviti seperti pendaratan dan parkir pesawat, dok kapal serta pengendalian kargo turut menyumbang kepada perolehan pendapatan lebih rendah. Akaun perkhidmatan lain juga dijangka mencatat defisit lebih besar sebanyak RM14.5 bilion berikutan peningkatan bayaran untuk perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain; perkhidmatan insurans dan pencen; serta perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi.


Akaun pendapatan primer dijangka mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM69.5 bilion pada 2022 berikutan peningkatan defisit dalam pendapatan pelaburan susulan bayaran pendapatan lebih tinggi dan sebahagiannya disebabkan oleh penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh pelabur asing di Malaysia. Bayaran pendapatan pelaburan dijangka mencecah RM133.7 bilion. Di samping itu, pampasan pekerja dijangka mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM7.9 bilion berikutan peningkatan bilangan profesional asing di Malaysia susulan penerusan semula projek berimpak tinggi.

Terimaan dalam akaun pendapatan sekunder pada 2022 dijangka meningkat kepada RM24.7 bilion berikutan penerimaan *one-off* dan kiriman wang masuk yang lebih tinggi oleh rakyat Malaysia bekerja di luar negara. Bayaran dalam akaun pendapatan sekunder dijangka meningkat kepada RM39.6 bilion seterusnya mengakibatkan defisit lebih tinggi sebanyak RM14.9 bilion. Peningkatan dalam bayaran adalah disebabkan oleh kiriman wang

keluar yang lebih tinggi oleh pekerja asing dari Bangladesh, Filipina, India, Indonesia dan Nepal setelah aktiviti ekonomi kembali normal dan semakan gaji minimum.

Pada separuh pertama 2022, akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM30.7 bilion berbanding RM13 bilion pada 2021 disumbangkan oleh peningkatan ketara aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan langsung dan akaun pelaburan lain yang melebihi aliran keluar bersih dalam akaun portfolio dan derivatif kewangan. Di samping itu, FDI mencatat aliran masuk bersih lebih tinggi berjumlah RM41.7 bilion yang terutamanya disalurkan dalam sektor pembuatan, aktiviti kewangan dan insurans/takaful serta sektor perdagangan borong dan runcit. Aliran keluar bersih pelaburan langsung ke luar negara oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM18.3 bilion terutamanya disalurkan dalam aktiviti kewangan dan insurans/takaful, sektor perdagangan borong dan runcit serta pengangkutan dan penyimpanan.

RAJAH 2.9. Rizab Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia (Buletin Suku Tahunan S4 2021)

RENCANA 2.3

Prestasi Perdagangan Malaysia: Pra, Semasa dan Pascapandemik (2017 – Jun 2022)


Pengenalan

Struktur perdagangan Malaysia mengalami evolusi ketara sejak beberapa dekad lalu dengan peralihan daripada perdagangan berasaskan pertanian dan perlombongan kepada berasaskan pembuatan. Perkembangan ini telah melonjakkan Malaysia sebagai pengeksport utama khususnya bagi produk elektrik dan elektronik (E&E). Malaysia turut muncul sebagai antara pengeksport terbesar produk utama bukan E&E sejak 2000 berikutan kepelbagaian pasaran eksport serta tumpuan yang lebih kepada aktiviti hiliran bernilai tambah tinggi dalam sektor pembuatan. Produk bukan E&E tersebut termasuk produk petroleum, kimia dan produk kimia serta pembuatan logam. Kini, sektor pembuatan Malaysia terus menjadi penyumbang utama dengan lebih 80% daripada jumlah eksport negara.

Prestasi Perdagangan Prapandemik

Tahun 2020 menyaksikan kemerosotan terburuk dalam pertumbuhan ekonomi global yang tidak pernah berlaku sejak *Great Depression* pada 1930-an. Kemerosotan ini terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan kawalan pergerakan yang ketat bagi membendung penularan virus COVID-19 di seluruh dunia yang turut menjejaskan perdagangan global. Walau bagaimanapun, perdagangan Malaysia telah menunjukkan trend penurunan sejak sebelum pandemik berlaku berikutan perang perdagangan AS – China yang memuncak mulai Julai 2018 seperti dalam Rajah 2.3.1. Jumlah dagangan Malaysia menyederhana pada 2018 sebanyak 6.3% sebelum menguncup 2.1% pada 2019 dengan eksport menyusut sebanyak 0.8% (2018: 7.3%) dan import 3.5% (2018: 5.2%). Prestasi yang merosot ini menunjukkan kesan negatif daripada perang perdagangan memandangkan China dan AS merupakan antara rakan dagang utama negara. Hampir 50% daripada eksport Malaysia diguna

RAJAH 2.3.1. Prestasi Perdagangan Malaysia, 2017 – Jun 2022



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

pakai dalam produk akhir China yang dieksport ke AS (MOF, 2019). Pengenaan tarif yang tinggi dan halangan perdagangan oleh AS ke atas China secara tidak langsung memberi kesan ke atas eksport negara ke China kerana sebagai ekonomi terbuka, perdagangan Malaysia berkait rapat dengan rantaian bekalan global.

Walaupun terdapat kesan perang perdagangan, namun Malaysia menerima manfaat dalam jangka masa pendek disumbangkan oleh lencongan perdagangan apabila AS dan China mengalihkan permintaan import masing-masing kepada negara berkembang pesat yang lain termasuk Malaysia. Negara turut menerima manfaat daripada penempatan semula perbadanan multinasional (MNC) yang mengelak pengenaan tarif yang tinggi seterusnya meningkatkan pelaburan dalam sektor pembuatan serta menjana limpahan perdagangan dan pelaburan ke dalam negara.

Malaysia mengakui kepentingan mengukuhkan hubungan dengan rakan dagang utama sedia ada serta menjalin hubungan dengan negara yang berkembang pesat lain di rantau ini dan seluruh dunia tanpa mengira konflik perdagangan AS-China. Dalam hal ini, Malaysia terus menyokong persekitaran perdagangan global yang lebih liberal, bebas dan adil melalui penglibatan dalam pelbagai dasar perdagangan antarabangsa menerusi perjanjian perdagangan bilateral, serantau, multilateral dan plurilateral seperti dalam Jadual 2.3.1. Penglibatan dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA) bertujuan bukan sahaja untuk mengurangkan dan menghapuskan tarif tetapi turut menangani isu berkaitan halangan bukan tarif yang mungkin mengganggu aliran barangan dan perkhidmatan.

JADUAL 2.3.1. Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia

FTA BILATERAL	TARIKH KUAT KUASA	FTA SERANTAU (BERSAMA ASEAN)	TARIKH KUAT KUASA
Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (MUEPA)	13 Julai 2006	Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)	1993
Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Pakistan (MPCEPA)	1 Januari 2008	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA)	1 Julai 2003
Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA)	1 Ogos 2010	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea (AKFTA)	1 Julai 2006
Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia -India (MICECA)	1 Julai 2011	Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (AJCEP)	1 Februari 2009
Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile (MCFTA)	25 Februari 2012	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA)	1 Januari 2010
Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA)	1 Januari 2013	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-India (AIFTA)	1 Januari 2010
Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA)	1 Ogos 2015	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Hong Kong (AHKFTA)	13 Oktober 2019
		Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP)	18 Mac 2022
FTA MULTILATERAL	TARIKH KUAT KUASA	FTA PLURILATERAL	TARIKH KUAT KUASA
World Trade Organisation (WTO)	WTO (ahli sejak 1 Januari 1995), GATT (ahli sejak 24 Oktober 1957)	Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP)	Malaysia masih belum meratifikasi CPTPP

Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia

Justeru, dasar utama perdagangan Malaysia bertujuan menambah baik akses pasaran eksport komoditi dan barangan pembuatan serta perkhidmatan di samping membangun dan menggalakkan eksport barangan pembuatan bernilai tambah tinggi. Selain itu, langkah memperluas perdagangan dengan rakan dagang utama dan mempelbagaikan perdagangan dengan pasaran bukan tradisional terutamanya dengan negara membangun sentiasa menjadi asas kepada strategi perdagangan Malaysia pada peringkat ASEAN dan global.

Prestasi Perdagangan Semasa Pandemik

Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada perdagangan dan keseluruhan ekonomi pada skala yang belum pernah berlaku sebelum ini yang memerlukan pelaksanaan pelbagai langkah segera dan tindak balas dasar bagi mengurangkan impak krisis. Jumlah dagangan Malaysia menguncup sebanyak 3.3% pada 2020 dengan eksport merosot 1.1% dan import 5.8%. Negara telah merekodkan lebih dagangan bulanan berturut-turut sejak November 1997 sebelum mencatat defisit dagangan sebanyak RM4.5 bilion pada April 2020. Jumlah dagangan merekodkan defisit dua angka sebanyak 16.4% pada April 2020 dan 27.6% pada Mei 2020 susulan pelaksanaan beberapa siri perintah kawalan pergerakan (PKP) yang ketat mulai pertengahan Mac 2020. Penularan pandemik telah mengakibatkan pemberhentian sementara operasi sektor perniagaan bukan keperluan utama manakala sektor perkhidmatan termasuk penjagaan kesihatan, telekomunikasi dan media, makanan dan minuman, utiliti serta perbankan yang merupakan sektor keperluan utama dibenarkan beroperasi pada kapasiti 60%. Ekonomi Malaysia dibuka semula secara beransur-ansur bagi merancakkan sektor pembuatan yang terjejas teruk. Hasilnya, permintaan luar Malaysia beransur pulih terutamanya dalam kalangan rakan dagang utama dengan eksport kembali melonjak pada separuh kedua 2020.

Pandemik ini turut memberi hikmah bagi beberapa produk eksport Malaysia terutamanya E&E dan produk getah berikutan peningkatan permintaan yang mendadak. Produk E&E terus menyumbang bahagian terbesar dalam jumlah eksport Malaysia pada 2020 iaitu 39.3% atau RM386.3 bilion dan jumlah ini lebih tinggi daripada paras yang pernah dicatatkan sebelum pandemik. Peningkatan eksport E&E khususnya semikonduktor, peralatan pemprosesan data automatik serta kelengkapan peralatan telekomunikasi didorong terutamanya oleh peningkatan trend global dalam digitalisasi dan kitaran teknologi. Peningkatan tersebut susulan daripada langkah norma baharu termasuk bekerja dari rumah, sekolah dan pembelajaran dalam talian serta penggunaan perkhidmatan e-panggilan yang lebih meluas.

Peningkatan permintaan global bagi peralatan perlindungan diri (PPE) telah meningkatkan eksport produk getah Malaysia terutamanya sarung tangan getah berikutan prosedur penjagaan kesihatan berkaitan COVID-19 dan program vaksinasi secara meluas di seluruh dunia. Eksport sarung tangan getah Malaysia mencatat peningkatan mulai April 2020 dengan lonjakan pertumbuhan daripada dua angka kepada tiga angka bermula Jun 2020 hingga pertengahan 2021 sebelum menguncup pada September 2021 seiring situasi pandemik yang semakin reda.

Sementara itu, eksport Malaysia menunjukkan prestasi yang berbeza bagi tiga komoditi utama iaitu minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit, gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah. Nilai eksport minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit meningkat sebanyak 18.4% kepada RM52.3 bilion pada 2020. Peningkatan ini berikutan harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi pada separuh kedua 2020 walaupun pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah disebabkan kekurangan tenaga buruh dan sekatan pergerakan. Walau bagaimanapun, eksport LNG mencatat penguncupan dua digit sebanyak 29.7% kepada RM29.9 bilion manakala petroleum mentah merosot sebanyak 28.5% kepada RM18.8 bilion pada 2020. Sekatan pergerakan

global telah menyebabkan harga minyak mentah jatuh ke paras terendah iaitu AS\$17.32 setong pada 21 April 2020 yang mencerminkan penurunan ketara dalam permintaan minyak mentah kesan daripada pengurangan mendadak dalam aktiviti pengangkutan, perjalanan dan pelancongan.

Jumlah import menyusut sebanyak 5.8% kepada RM800.5 bilion pada 2020 dengan barangan pengantara merekodkan bahagian tertinggi iaitu 53.6% diikuti oleh barangan modal 11.3% dan barangan penggunaan 9.3%. Aktiviti ekonomi yang perlahan telah menyebabkan import barangan pengantara menguncup sebanyak 8.1% akibat pengurangan import bekalan perindustrian diproses terutamanya besi dan keluli. Barangan modal juga merosot sebanyak 9.4% terutamanya disebabkan oleh pengurangan import peralatan pengangkutan perindustrian khususnya kenderaan selain kereta api. Barangan penggunaan pula menguncup secara marginal iaitu sebanyak 0.03% berikutan pengurangan import barangan separa tahan lama, khususnya pakaian dan kasut. Namun begitu, import makanan dan minuman untuk kegunaan industri dan isi rumah mencatat trend meningkat sejak permulaan pandemik.

Pemulihan Berterusan Ke Arah Pascapandemik


Prestasi perdagangan Malaysia bersedia menerima manfaat daripada pemulihan ekonomi global pascapandemik walaupun berlaku gangguan rantaian bekalan dan ketidakpastian global. Tindak balas dasar pandemik yang responsif, berkesan dan pelbagai serta pelaksanaan pakej rangsangan telah menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, sektor pembuatan yang kekal beroperasi semasa pelaksanaan beberapa siri PKP pada 2021 terus menyokong pertumbuhan eksport.

Walau bagaimanapun, prasyarat untuk kembali pulih daripada pandemik adalah dengan melaksanakan program vaksinasi yang efisien dan menyeluruh bagi membendung penularan wabak sebelum ekonomi boleh beroperasi pada kapasiti penuh. Perkara ini penting bagi memastikan keseimbangan antara melindungi nyawa dan meneruskan kehidupan. Sehubungan itu, Kerajaan melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di seluruh negara mulai Februari 2021 dengan lebih 83% daripada populasi negara telah menerima dua dos vaksin sehingga Jun 2022. Kejayaan PICK membolehkan pelonggaran langkah sekatan dan kawalan pergerakan dengan aktiviti ekonomi beroperasi hampir secara normal apabila Malaysia beralih kepada Fasa 4 di bawah Pelan Pemulihan Negara yang berkuat kuasa mulai 3 Januari 2022. Justeru, prestasi perdagangan Malaysia mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat 2021 dengan jumlah dagangan melonjak sebanyak 29.5% manakala eksport berkembang sebanyak 29.4% dan import 29.6%.

Jumlah dagangan Malaysia pada 2021 mencatat pertumbuhan tertinggi sejak 1994 sebanyak 24.9% dan melebihi RM2 trilion buat julung kalinya dengan eksport dan import mencapai paras tertinggi seperti dalam Rajah 2.3.2. Imbangan dagangan merekodkan lebihan selama 24 tahun berturut-turut sejak 1998 didorong oleh permintaan luar yang kukuh dan harga komoditi yang lebih tinggi. Eksport ke rakan dagang utama iaitu ASEAN, China, AS dan EU mencatat pertumbuhan kukuh dua digit. Di samping itu, peningkatan eksport yang ketara direkodkan ke pasaran eksport berkembang pesat seperti Costa Rica, Ghana, Iraq, Kenya, Mesir dan Nigeria.

Dari aspek prestasi sektor, eksport barangan pembuatan, pertanian dan perlombongan meningkat dengan pertumbuhan dua digit seperti dalam Rajah 2.3.3. Barangan pembuatan yang merangkumi 86.1% daripada jumlah eksport telah menunjukkan prestasi kukuh dengan mencecah RM1 trilion buat kali pertama disokong oleh eksport produk E&E, produk petroleum, kimia dan produk kimia serta produk getah. Komoditi juga merekodkan pertumbuhan dua digit terutamanya bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit, getah asli dan LNG yang didorong oleh permintaan luar yang kukuh.


RAJAH 2.3.2. Prestasi Perdagangan Malaysia, 2017 - H1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import Malaysia turut merekodkan pertumbuhan sebanyak 23.3% kepada RM987.3 bilion didorong oleh aktiviti ekonomi yang kukuh dengan peningkatan dua digit dalam barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan yang menyumbang 74.3% daripada jumlah import pada 2021. Barangan pengantara meningkat sebanyak 27.2% kepada RM545.8 bilion berikutan pengukuhan import bekalan perindustrian diproses manakala barangan modal meningkat sebanyak 14.4% dengan jumlah RM103.8 bilion disumbangkan oleh peningkatan import alat ganti jentera dan kelengkapan mekanikal. Sementara itu, barangan penggunaan meningkat sebanyak 13.2% kepada RM83.9 bilion berikutan import lebih tinggi bagi makanan dan minuman diproses.

RAJAH 2.3.3. Prestasi Perdagangan Malaysia, 2017 - H1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Trajektori pertumbuhan dijangka berterusan pada 2022 berikutan situasi pascapandemik yang kembali normal sehingga konflik Rusia-Ukraine meletus pada Februari telah melemahkan prospek pertumbuhan tahun ini. Situasi ini disusuli dengan pelaksanaan dasar sifar COVID yang ketat di China pada Mac bermula di Shanghai dan diperluas ke Beijing serta bandar lain. Shanghai dibuka semula pada Jun selepas sekatan pergerakan yang lebih lama daripada jangkaan bagi membendung virus dan diikuti dengan pembukaan semula Beijing dan bandar lain secara beransur-ansur. Di sebalik ketidaktentuan situasi global ini, prestasi perdagangan negara menunjukkan trend meningkat pada separuh pertama 2022 berikutan permintaan luar yang kukuh. Peningkatan ini juga didorong oleh peralihan Malaysia kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa yang memudahkan aliran rangkaian bekalan dan mobiliti manusia termasuk pengembara perniagaan dan pekerja asing.

Walaupun eksport E&E dan bukan E&E berkembang pantas, namun eksport produk getah khususnya sarung tangan getah menguncup dengan ketara disebabkan permintaan PPE berkurangan apabila aktiviti ekonomi kembali normal. Eksport sarung tangan getah mencatat penurunan ketara bermula Julai 2021 sebelum menguncup mulai September. Namun begitu, eksport komoditi utama Malaysia iaitu minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit, LNG dan petroleum mentah mencatat pertumbuhan dua digit pada separuh pertama 2022 disumbangkan oleh peningkatan permintaan luar. Import barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan turut merekodkan pertumbuhan dua digit dalam tempoh yang sama berikutan ekonomi negara yang kekal rancak.

Ekonomi Malaysia yang pelbagai dan polisi yang akomodatif melalui sokongan dan intervensi Kerajaan telah mengimbangi impak kejutan luaran berikutan kelembapan pertumbuhan ekonomi global yang disebabkan oleh 3C iaitu COVID-19, *Climate* dan *Conflict* (UNICEF, 2020). Selain daripada COVID-19, impak perubahan iklim jauh lebih buruk melangkaui faktor ekonomi manakala konflik Rusia-Ukraine yang berpanjangan dengan sekatan ekonomi yang ketat ke atas Rusia telah memperlambatkan pemulihan ekonomi dan meningkatkan ketidaktentuan (UNCTAD, 2022).

Malaysia telah mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu termasuk E&E termaju, aeroangkasa, biojisim, farmaseutikal, ekonomi digital serta industri kimia dan produk kimia (MITI, 2021). Sumber pertumbuhan baharu tersebut dijangka memberi nilai tambah kepada aktiviti hulu dan hiliran bagi mempelbagaikan eksport Malaysia serta import yang produktif dan seterusnya melonjakkan keseluruhan prestasi perdagangan.

Industri E&E yang sejak sekian lama merupakan penyumbang utama kepada perdagangan Malaysia akan diberi nilai tambah supaya lebih berdaya maju dengan ekosistem yang kondusif bagi melahirkan bakat tempatan dan mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi. Di samping itu, Malaysia berhasrat untuk menjadi hab aeroangkasa di Asia Tenggara menjelang 2030. Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 mengenal pasti lima subsektor utama yang perlu dibangunkan iaitu penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO); pembuatan aero; penyepaduan sistem; perkhidmatan kejuruteraan dan reka bentuk; serta pendidikan dan latihan sebagai komponen penting dalam rangkaian nilai global.

Malaysia juga akan meningkatkan penggunaan produk biojisim bernilai tambah tinggi bagi mempertingkatkan teknologi tempatan serta mengurangkan pelepasan gas rumah kaca untuk memacu penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Seterusnya, R&D&C&I akan dilaksanakan dalam industri farmaseutikal bagi membangun dan mengeluarkan pelbagai ubat-ubatan untuk mengurangkan kebergantungan kepada produk farmaseutikal asing.

Selain itu, penerimgunaan yang pantas dalam digitalisasi, pengaplikasian teknologi dan keselamatan siber telah memperkukuh ekonomi digital yang dijangka menyumbang lebih 23% kepada KDNK negara menjelang 2025 (MOSTI, 2022). Ekonomi digital membolehkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berintegrasi dengan pasaran global melalui e-dagang dan teknologi maklumat yang seterusnya mengurangkan kos berkaitan pengangkutan dan operasi sempadan. Industri kimia dan produk kimia juga mempunyai potensi yang tinggi untuk berkembang dengan pengeluaran produk baharu seperti bahan kimia khusus, *green chemical* dan plastik khusus.

Kesimpulan

Malaysia sebagai ekonomi terbuka adalah terdedah kepada sebarang krisis global yang boleh memberi impak terhadap pertumbuhan dan perdagangan. Krisis COVID-19 dan konflik Rusia-Ukraine telah mengganggu rantaian bekalan global dan keseluruhan aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, Malaysia berjaya mengharungi cabaran tersebut berikutan asas ekonomi yang pelbagai dan kukuh serta dasar Kerajaan yang akomodatif. Inisiatif dan tindak balas dasar yang responsif oleh Kerajaan telah memperkukuh momentum pemulihan, daya tahan dan pembaharuan ekonomi. Malaysia terus membangunkan hubungan perdagangan yang kukuh dengan rakan dagang utama dan pasaran eksport berkembang pesat di samping memperkasa sektor pertumbuhan baharu yang menyokong aktiviti nilai ditambah. Inisiatif ini dijangka dapat memperkukuh daya tahan ekonomi negara demi mendepani persekitaran global yang tidak menentu dan mencabar serta sebarang krisis pada masa hadapan.

Harga

Inflasi makanan meningkat

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 3.1% dalam tempoh Januari hingga Ogos 2022 disebabkan oleh tekanan ke atas harga beberapa item makanan segar berpunca daripada kos input yang tinggi susulan kenaikan harga komoditi bukan tenaga. Daripada keseluruhan IHP, inflasi makanan dan minuman bukan alkohol (makanan) mencatat 5.1% dalam tempoh lapan bulan pertama 2022 berbanding 1.4% yang direkodkan dalam tempoh sama 2021. Walau bagaimanapun, peningkatan inflasi makanan telah dibendung oleh kawalan harga sedia ada dan penyediaan subsidi bagi item makanan terpilih.

Pada separuh kedua 2022, peningkatan harga runcit ayam standard dan telur serta penarikan subsidi minyak masak botol

bermula Julai dijangka akan menyebabkan tekanan lebih tinggi terhadap inflasi makanan. Inflasi keseluruhan juga dijangka melonjak sementara pada suku ketiga disebabkan oleh kesan asas yang rendah susulan penamatan diskaun elektrik bagi pengguna domestik yang diberikan menerusi Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) mulai Julai hingga September 2021. Inflasi bagi keseluruhan tahun dijangka mencatat 3.3%.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) berdasarkan pengeluaran tempatan meningkat 10.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2022 disebabkan oleh harga komoditi global yang lebih tinggi terutamanya minyak mentah dan gas asli. Berdasarkan sektor, peningkatan IHPR didorong oleh kenaikan ketara dalam sektor perlombongan (21.1%); pertanian, perhutanan dan perikanan (14.1%); serta pembuatan (9.1%). Indeks ini dijangka stabil pada keseluruhan tahun berikutan normalisasi pertumbuhan dalam kos input.

JADUAL 2.13. Indeks Harga Pengguna,
Januari – Ogos 2021 dan 2022
(2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHP (MATA PERATUSAN)	
		2021	2022	2021	2022
IHP	100.0	2.3	3.1	2.30	3.10
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.5	1.4	5.1	0.41	1.50
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	0.6	0.5	0.01	0.01
Pakaian dan kasut	3.2	-0.4	0.0	-0.01	0.00
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	1.0	1.7	0.24	0.40
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	1.3	3.3	0.05	0.14
Kesihatan	1.9	0.5	0.5	0.01	0.01
Pengangkutan	14.6	11.0	4.5	1.61	0.66
Komunikasi	4.8	0.0	0.0	0.00	0.00
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	0.5	1.8	0.02	0.09
Pendidikan	1.3	0.2	1.0	0.00	0.01
Restoran dan hotel	2.9	0.2	4.0	0.01	0.12
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	0.8	1.8	0.05	0.12


¹ Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 2.14. Indeks Harga Pengeluar,
Januari – Julai 2021 dan 2022
(2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHPR (MATA PERATUSAN)	
		2021	2022	2021	2022
IHPR	100.000	7.7	10.2	7.700	10.200
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.730	37.9	14.1	2.551	0.949
Perlombongan	7.927	27.3	21.1	2.164	1.673
Pembuatan	81.571	3.9	9.1	3.181	7.423
Bekalan elektrik dan gas	3.442	-0.8	0.3	-0.028	0.010
Bekalan air	0.330	1.0	1.5	0.003	0.005
IHPR mengikut peringkat pemprosesan	100.000	7.7	10.2	7.700	10.200
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.410	29.1	15.8	4.775	2.593
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.119	5.2	12.4	2.918	6.959
Barang siap	27.471	-0.1	0.8	-0.027	0.220

¹ Berdasarkan Banci Ekonomi 2016
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 2.10. Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RENCANA 2.4

Inflasi Makanan di Malaysia

Pengenalan

Inflasi di Malaysia telah menunjukkan peningkatan dalam beberapa bulan kebelakangan ini daripada 2.2% pada Mac 2022 kepada 4.7% pada Ogos 2022. Faktor utama peningkatan inflasi negara dalam tempoh ini ialah inflasi makanan yang berpunca daripada harga input pertanian yang lebih tinggi dan gangguan rantaian bekalan susulan konflik Rusia-Ukraine yang berterusan. Inflasi makanan juga disebabkan oleh pengukuhan bakul mata wang lain terutamanya dolar AS. Peningkatan inflasi makanan memberi impak yang lebih besar kepada rakyat berpendapatan rendah berbanding rakyat berpendapatan tinggi. Justeru, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah menangani impak inflasi makanan termasuk menyediakan peruntukan tambahan subsidi kepenggunaan dan bantuan tunai. Langkah tersebut telah mengekalkan inflasi Malaysia pada paras terkawal berbanding negara maju dan serantau yang lain.

Faktor Utama Inflasi yang Lebih Tinggi di Malaysia

Inflasi keseluruhan Malaysia diukur melalui perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP). Seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.4.1., IHP dikira berdasarkan bakul penggunaan yang mengandungi 12 kumpulan utama terdiri daripada 552 item dengan wajaran yang telah


ditetapkan.¹ Kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol (makanan) membentuk kumpulan terbesar dalam bakul yang boleh mempengaruhi pergerakan inflasi keseluruhan di Malaysia. Keadaan ini terbukti terutamanya semasa tempoh krisis berkaitan makanan apabila inflasi dipengaruhi khususnya oleh komponen makanan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kawalan harga hanya boleh dilakukan terhadap beberapa item dalam kumpulan makanan bagi mengawal kenaikan harga disebabkan oleh kepelbagaian item makanan (Ibrahim, 2015; Qayyum et al., 2018; Deconinck et al. 2020). Rajah 2.4.2. menunjukkan inflasi keseluruhan dan inflasi makanan secara bulanan dari Januari 2010 hingga Ogos 2022.

RAJAH 2.4.1. Indeks Harga Pengguna berdasarkan 12 Kumpulan Utama (wajaran, jumlah=100.0)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 2.4.2. Perbandingan Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Makanan (2010 = 100)



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

¹ Bakul penggunaan dikelaskan mengikut klasifikasi United Nations Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP). Bermula Januari 2018, wajaran yang digunakan dalam pengiraan IHP oleh Jabatan Perangkaan Malaysia berasaskan kepada corak perbelanjaan yang diperolehi daripada Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2016.

Impak Krisis terhadap Inflasi Makanan di Malaysia


Inflasi makanan di Malaysia melonjak daripada 3% pada 2007 kepada 8.8% pada 2008 berikutan peningkatan berterusan harga komoditi global serta pelarasan lebih tinggi sebanyak 40.4% harga runcit bahan api pada Jun 2008. Kadar ini menyederhana kepada 4.1% pada 2009 disebabkan keadaan permintaan global yang lemah, mencerminkan kesan faktor luaran terhadap harga makanan domestik (BNM, 2008 dan 2009).

Pada separuh kedua 2010, harga makanan dunia meningkat dengan ketara buat kali kedua disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi susulan pemulihan ekonomi pasca Krisis Kewangan Global 2009 dan fenomena cuaca buruk yang memberi kesan kepada negara pengeluar utama gandum dan jagung (BNM, 2010 dan 2011). Perkembangan global tersebut serta pelarasan lebih tinggi ke atas harga kawalan RON95, diesel, LPG dan gula pada Julai 2010 telah menyebabkan peningkatan harga makanan di Malaysia. Impak ini ditunjukkan oleh inflasi makanan yang mencatat peningkatan dari 2.4% pada 2010 kepada 4.8% pada 2011 seperti dalam Rajah 2.4.3.

Pada 2020, pandemik COVID-19 telah mengurangkan permintaan global bagi barangan dan perkhidmatan seterusnya menyebabkan harga komoditi terutamanya minyak mentah jatuh dengan ketara. Situasi ini menjadikan harga runcit bahan api lebih rendah di Malaysia dan mendorong penurunan inflasi keseluruhan daripada 0.7% pada 2019 kepada -1.2% pada 2020. Sementara itu, inflasi makanan mencatat kadar lebih rendah iaitu 1.3% pada 2020 berbanding 1.7% pada 2019.

Pelonggaran langkah pembendungan penularan COVID-19 dan halangan perjalanan global telah merancakkan kembali aktiviti ekonomi dan merangsang permintaan global seterusnya meningkatkan harga komoditi. Pada peringkat domestik, penetapan harga runcit RON95 dan diesel yang lebih tinggi pada RM2.05 dan RM2.15 seliter bermula Mac 2021 serta kesan asas yang rendah pada 2020 telah menyebabkan inflasi keseluruhan mencatat 2.5% pada 2021. Pada masa yang sama, inflasi makanan turut meningkat 1.7% pada 2021.


RAJAH 2.4.3. Impak Krisis terhadap Inflasi Makanan pada 2008 - 2011 dan 2020 - 2022



Sumber: Bank Negara, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Walaupun harga runcit RON95 dan diesel masih dikekalkan, namun inflasi keseluruhan pada 2022 dianggap lebih tinggi susulan senario global terutamanya konflik berterusan Rusia-Ukraine yang menyebabkan gangguan rantai bekalan bertambah teruk. Seterusnya, harga beberapa item makanan dan sayuran meningkat disebabkan oleh kenaikan kos input pertanian seperti racun perosak dan baja pada peringkat global (DOSM, 2022). Menurut Food and Agriculture Organisation (FAO) Food Price Index (2022), indeks harga makanan global mencatat pertumbuhan bulan-ke-bulan tertinggi sejak 1990 iaitu sebanyak 13.1% kepada 159.7 mata pada Mac 2022 berbanding 141.2 mata pada Februari 2022. Sekiranya tekanan kos luaran berterusan, harga makanan di Malaysia dijangka menjadi faktor utama tekanan inflasi pada 2022 memandangkan makanan merupakan komponen terbesar dalam bakul IHP seperti dalam Rajah 2.4.4.

RAJAH 2.4.4. Sumbangan Peratusan Kumpulan Utama kepada Inflasi Keseluruhan



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)


Penguatan mata wang asing terutamanya dolar AS atau penurunan ringgit berbanding mata wang asing lain turut menyumbang kepada peningkatan harga domestik bagi import bahan makanan dan input pertanian. Oleh itu, pendedahan risiko tukaran mata wang asing dapat dikurangkan dengan mempertingkatkan input domestik terutamanya makanan haiwan dan baja dalam pengeluaran makanan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga boleh menangani kesan tekanan inflasi global kepada domestik yang disebabkan oleh peningkatan harga minyak mentah dan makanan global melalui dasar fiskal.

Impak Inflasi Makanan terhadap Kumpulan Berpendapatan Rendah

Inflasi makanan yang tinggi lebih menjejaskan pendapatan boleh guna dan simpanan kumpulan berpendapatan rendah berbanding kumpulan berpendapatan tinggi (Meo et al., 2018). Hill & Webber (2022) berpandangan semasa krisis kos sara hidup, isi rumah berpendapatan rendah memerlukan kestabilan jaringan keselamatan sosial yang dapat menyediakan bantuan kewangan mencukupi. Di Malaysia, komposisi perbelanjaan penggunaan makanan bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) adalah lebih tinggi (24.2%) berbanding kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan (M40) (18%) dan kumpulan isi rumah berpendapatan 20%

tertinggi (T20) (12.6%) seperti dalam Rajah 2.4.5. (DOSM, 2020). Keadaan ini menunjukkan B40 adalah kumpulan yang mudah terjejas terhadap inflasi makanan selari dengan pandangan Hill & Webber (2022).

RAJAH 2.4.5. Peratusan Perbelanjaan Penggunaan Makanan berdasarkan Kumpulan Pendapatan Isi Rumah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Langkah Jangka Masa Pendek oleh Kerajaan bagi Menangani Impak Inflasi Makanan

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap impak harga makanan global yang tinggi terutamanya kepada kumpulan berpendapatan rendah. Justeru, Kerajaan telah melaksanakan langkah jangka masa pendek termasuk kawalan harga, subsidi tambahan dan bantuan tunai. Kerajaan terus menyediakan subsidi kepenggunaan bagi RON95, diesel, LPG, minyak masak, tepung, elektrik, ayam dan telur. Anggaran subsidi kepenggunaan telah meningkat daripada peruntukan asal sebanyak RM5.2 bilion di bawah Bajet 2022 kepada sekitar RM52 bilion.

Kerajaan juga terus menyediakan pelbagai bantuan sosial termasuk bantuan tunai kepada kumpulan sasar bagi mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup. Melalui Bajet 2022, peruntukan RM8 bilion bagi Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dijangka dapat memanfaatkan 4 juta isi rumah, 1.2 juta warga emas dan 3.4 juta individu bujang. Di samping itu, Kerajaan turut mengumumkan bantuan tunai tambahan berjumlah RM630 juta bermula 27 Jun 2022 untuk mengurangkan impak peningkatan harga makanan. Jumlah subsidi dan bantuan sosial pada 2022 dianggar sekitar RM80 bilion yang merupakan peruntukan terbesar dalam sejarah Malaysia.

Bermula 1 Julai 2022, Kerajaan menetapkan harga siling baharu ayam di Semenanjung Malaysia pada RM9.40 sekilogram manakala harga siling baharu telur ayam ialah 45 sen; 43 sen; dan 41 sen untuk gred A; B; dan C sebagai langkah mengekang inflasi makanan. Langkah ini dijangka meningkatkan pembayaran subsidi kepada penternak ayam sebanyak RM370 juta pada 2022.

Di samping itu, langkah lain yang diperkenalkan untuk menangani isu bekalan dan harga ayam ialah menghentikan sementara eksport ayam; mewujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimalkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada; memansuhkan *Approved Permit* (AP) bagi import ayam; mempermudah proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam; dan mengiktiraf

lebih banyak rumah penyembelihan halal di luar negara. Sebagai tambahan, Jawatankuasa Kabinet dikenali sebagai Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi telah ditubuhkan pada 29 Jun 2022. Peranan jawatankuasa ini adalah merangka strategi dan menyelaraskan pelan tindakan kementerian dan agensi untuk menyelesaikan isu berkaitan inflasi terutamanya langkah mengawal peningkatan harga secara lebih cekap dan berkesan.

Kerajaan terus mengekalkan harga runcit RON95 dan diesel sejak Mac 2021 melalui penyediaan subsidi meskipun harga minyak mentah meningkat. Tanpa mekanisme subsidi dan kawalan harga, kos pengangkutan akan meningkat dengan signifikan seterusnya menyebabkan lonjakan harga barangan dan perkhidmatan lain. Kesan pelaksanaan mekanisme ini, inflasi di Malaysia mencatat 4.7% pada Ogos 2022 iaitu lebih rendah berbanding negara maju dan serantau terpilih seperti UK (9.9%), AS (8.3%), Thailand (7.9%), Singapura (7.5%) dan Filipina (6.3%). Walau bagaimanapun, anggaran subsidi kepenggunaan yang lebih tinggi pada 2022 akan mengehendak keupayaan Kerajaan untuk berbelanja bagi memperkukuh kapasiti produktif negara seperti pembangunan infrastruktur awam terutamanya dalam sektor pendidikan dan kesihatan.

Langkah Jangka Masa Panjang bagi Memastikan Daya Saing dan Kemampuan Membeli Makanan

Kerajaan komited dalam melaksanakan pembaharuan bagi memperkukuh sekuriti makanan domestik dalam jangka masa panjang. Berikutan ketegangan geopolitik dan inflasi makanan global semasa, terdapat kepentingan untuk memastikan ketersediaan, kebolehcapaian dan kemampuan membeli makanan dengan memperkukuh pengeluaran domestik makanan terutamanya beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan dan perikanan.

Usaha meningkatkan produktiviti akan dilaksanakan untuk memastikan pengeluar mempunyai kemampuan dan daya saing penghasilan produk dalam pasaran tempatan di samping membantu menstabilkan bekalan bagi memenuhi permintaan masa hadapan yang lebih tinggi. Justeru, Kerajaan akan menyokong perniagaan agromakanan dalam memperkukuh produktiviti menerusi penggunaan teknologi 4IR seperti pertanian tepat, dron dan algoritma pintar.

Selain itu, Kerajaan akan terus menambah baik rantaian bekalan berkaitan makanan sebagai usaha menstabilkan harga makanan. Kerajaan turut komited untuk menangani impak perkembangan global terhadap kos sara hidup terutamanya kepada kumpulan berpendapatan rendah. Program peningkatan kemahiran dan latihan semula akan diperkukuh bagi memastikan taraf hidup yang stabil dalam jangka masa panjang terutamanya kepada kumpulan ini.

Kesimpulan

Peningkatan harga makanan terutamanya disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan berikutan konflik Rusia-Ukraine telah menyebabkan inflasi lebih tinggi dan memberi kesan kepada rakyat Malaysia khususnya kumpulan berpendapatan rendah. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani impak inflasi makanan termasuk penyediaan subsidi kepenggunaan dan bantuan tunai tambahan. Langkah ini telah mengurangkan kesan inflasi kepada rakyat dan mengekalkan kadar inflasi pada paras yang terkawal. Walau bagaimanapun, kebergantungan tinggi kepada dasar jangka masa pendek boleh memberi kesan negatif terhadap kemampuan fiskal. Melangkah ke hadapan, kerjasama antara Kerajaan dengan sektor swasta penting untuk memperkukuh produktiviti pengeluaran makanan negara demi menjamin sekuriti makanan dalam jangka masa panjang.

Pasaran Buruh

Pemulihan menggalakkan dalam pasaran buruh

Pasaran buruh menunjukkan pemulihan yang menggalakkan pada separuh pertama 2022 berikutan pelaksanaan inisiatif intervensi pekerjaan yang berkesan melalui Bajet 2022 serta pakej bantuan dan rangsangan ekonomi. Operasi perniagaan yang rancak selaras dengan peralihan kepada fasa endemik telah turut merangsang permintaan agregat buruh seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam pasaran. Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 68.5%. Sementara itu, tenaga buruh meningkat sebanyak 1.3% kepada 15.9 juta orang manakala jumlah guna tenaga meningkat lebih tinggi iaitu 1.9% kepada 15.2 juta orang. Pemulihan ini telah menyumbang kepada penurunan ketara bilangan penganggur dengan **kadar pengangguran** mencatat 4.2% atau 667,000 orang pada separuh pertama 2022. Sektor perkhidmatan kekal sebagai sumber utama guna tenaga sebanyak 66% dalam tempoh tersebut diikuti oleh sektor pembuatan (16.9%) dan pertanian (9.3%).

Perkembangan positif dalam pasaran buruh juga ditunjukkan melalui penurunan bilangan **pemberhentian pekerja** dengan ketara sebanyak 48% dan mencatat 18,076 orang pada akhir Jun 2022. Trend pemberhentian telah kembali ke tahap prapandemik berikutan industri mengekalkan pekerja untuk menyokong peningkatan aktiviti

perniagaan. Sementara itu, **kekosongan jawatan** meningkat dua kali ganda kepada lebih 508,000 jawatan pada Jun 2022 berbanding sekitar 258,000 dalam tempoh yang sama tahun lepas. Walau bagaimanapun, **penempatan pekerjaan** masih kurang menggalakkan walaupun majikan menghadapi isu kekurangan pekerja dan insentif untuk majikan meningkatkan pengambilan seperti JaminKerja disediakan. **Pencari kerja aktif** yang kebanyakannya berpendidikan tertiar juga berkurang sebanyak 57.5% kepada sekitar 64,000 orang yang mungkin menggambarkan tawaran kerja, gaji dan faedah pekerjaan yang ditawarkan tidak cukup menarik kepada pencari kerja.

Pasaran buruh dijangka terus bertambah baik pada separuh kedua tahun ini berikutan permintaan pekerja yang lebih kukuh oleh perniagaan dan industri bagi memenuhi peningkatan permintaan domestik dan luar. Justeru, trend kadar pengangguran dijangka terus berkurang antara 3.8% – 4% bagi keseluruhan 2022. Jumlah guna tenaga diunjur berkembang sebanyak 1.6% kepada 15.3 juta orang dengan sektor perkhidmatan menjadi penyumbang utama kepada guna tenaga sebanyak 65.1% terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit serta perkhidmatan penginapan dan makanan dan minuman. Sektor pembuatan dijangka menyumbang 16.6% daripada jumlah guna tenaga terutamanya dalam industri E&E serta makanan dan minuman manakala sektor pertanian menyumbang 10.1% khususnya dalam industri kelapa sawit.

JADUAL 2.15. *Penunjuk Pasaran Buruh*

	('000)			PERUBAHAN (%)		
	H1 ¹	2022 ²	2023 ³	H1 ¹	2022 ²	2023 ³
Tenaga buruh	15,890.8	15,933.1	16,140.2	1.3	0.9	1.3
Guna tenaga	15,223.8	15,303.7	15,563.9	1.9	1.6	1.7
Pengangguran	667.0	629.3	576.3	(4.2)	(3.8 – 4.0)	(3.5 – 3.7)

¹ Januari hingga Jun 2022

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Angka dalam kurungan ialah kadar pengangguran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.16. Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)			BAHAGIAN (%)		
	H1 ²	2022 ³	2023 ⁴	H1 ²	2022 ³	2023 ⁴
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,422.8	1,548.5	1,560.8	9.3	10.1	10.0
Perlombongan dan pengkuarian	53.8	81.6	82.0	0.4	0.5	0.5
Pembuatan	2,578.2	2,538.9	2,578.3	16.9	16.6	16.6
Pembinaan	1,128.5	1,168.2	1,176.9	7.4	7.6	7.6
Perkhidmatan	10,040.5	9,966.5	10,165.8	66.0	65.1	65.3
Jumlah¹	15,223.8	15,303.7	15,563.9	100.0	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'

² Januari hingga Jun 2022

³ Anggaran

⁴ Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pembukaan semula sempadan negara bermula 1 April 2022 dan pemeteraian memorandum persefahaman dengan negara sumber yang berkenaan telah memudahkan pengambilan dan mobiliti pekerja migran ke dalam negara. Sehubungan itu, bilangan **pekerja asing** berkemahiran rendah yang berdaftar meningkat sebanyak 12.5% kepada 1.2 juta orang sehingga akhir Ogos 2022 berbanding 1.1 juta orang dalam tempoh yang sama pada 2021. Pekerja asing terutamanya berasal dari Bangladesh (33.6%) diikuti oleh Indonesia (28.5%) dan Nepal (14.8%) dengan sebahagian besar bekerja dalam sektor pembuatan (35.3%), pembinaan (23.2%) dan perkhidmatan (14.1%). Namun begitu, pengambilan pekerja asing berkemahiran rendah kekal rendah iaitu 7.3% daripada jumlah guna tenaga dan masih di bawah had yang ditetapkan iaitu 15% daripada jumlah guna tenaga. Sementara itu, bilangan **ekspatriat** meningkat 5.5% kepada 86,023 orang pada akhir Jun 2022 berbanding 81,539 pada Jun 2021. Majoriti ekspatriat berasal dari India (21.2%), China (16.5%) dan Jepun (8.4%) yang bekerja terutamanya dalam sektor perkhidmatan (52.8%), teknologi maklumat (38.4%) dan pembinaan (3.3%).

Produktiviti buruh yang diukur berdasarkan nilai ditambah per pekerja meningkat 4.1% kepada RM92,893 pada separuh pertama 2022

disumbangkan oleh produktiviti lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan terutamanya industri berkaitan pelancongan dan sektor pembuatan. Secara keseluruhan, produktiviti buruh dijangka terus berkembang sebanyak 3.5% kepada RM93,800 pada 2022 berikutan usaha berterusan untuk meningkatkan penerimgunaan teknologi dan inovasi dalam industri melalui agenda digitalisasi. Sektor perkhidmatan diunjur mencatat peningkatan tertinggi sebanyak 4.2% diikuti sektor perlombongan dan pengkuarian (2.8%) serta pembuatan (2.4%).

Tinjauan 2023

Tinjauan Global

Prospek pertumbuhan sederhana

Ekonomi global dijangka menyederhana sebanyak 2.9% pada 2023 berikutan pertumbuhan ekonomi maju dan EMDE yang lebih perlahan daripada jangkauan. Pertumbuhan ekonomi maju dijangka terus menyederhana kepada 1.4%. Ekonomi AS diunjur mencatat pertumbuhan sebanyak 1% disebabkan oleh penggunaan swasta yang lemah dengan inflasi dijangka terus melebihi sasaran 2% yang ditetapkan Rizab Persekutuan

AS. Pertumbuhan di kawasan euro juga dijangka menyederhana kepada 1.2% berikutan bekalan tenaga yang terhad akan terus menjejaskan aktiviti ekonomi.

Pertumbuhan EMDE diunjur meningkat secara marginal sebanyak 3.9% pada 2023 disokong oleh peningkatan penggunaan swasta dan eksport. Ekonomi China dijangka berkembang sebanyak 4.6% didorong oleh permintaan domestik yang kukuh berikutan rangsangan fiskal. Sementara itu, ekonomi India dijangka berkembang pada kadar 6.1% walaupun terdapat penurunan dalam penggunaan swasta dan permintaan luar. Pertumbuhan ASEAN-5 diunjur meningkat sebanyak 5.1% disokong oleh peningkatan berterusan dalam penggunaan domestik dan pelaburan swasta.

Perdagangan global diunjur mencatat 3.2% pada 2023 berikutan permintaan yang lebih lemah. Perdagangan dalam ekonomi maju diunjur mencatat 3.2% dan EMDE 3.3%. Pertumbuhan eksport dan import dalam ekonomi maju dijangka mencatat 4.7% dan 4.5% berikutan gangguan rantai bekalan yang berpanjangan. Eksport dan import dalam EMDE juga dijangka berkembang kepada 3.6% dan 4.8%.

Pada 2023, **inflasi global** diunjur pada 5.7% disokong oleh kejatuhan harga komoditi termasuk minyak mentah. Kadar inflasi dalam ekonomi maju dijangka merekodkan 3.3% dan EMDE 7.3%.

Tinjauan Domestik

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Menerajui pertumbuhan ke arah ekonomi berdaya tahan

Sektor **perkhidmatan** dijangka berkembang sebanyak 5% pada 2023 berikutan permintaan domestik yang kukuh meskipun pertumbuhan ekonomi global menyederhana. Pertumbuhan ini dijangka terus didorong terutamanya oleh

subsektor perdagangan borong dan runcit; hartanah dan perkhidmatan perniagaan; maklumat dan komunikasi; pengangkutan dan penyimpanan; serta makanan & minuman dan penginapan.

Subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka kekal sebagai penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.4% berikutan pengembangan dalam segmen runcit terutamanya disumbangkan oleh penggunaan e-dagang yang lebih meluas dan peralihan pantas ke arah digitalisasi. Usaha Kerajaan dalam mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar melalui Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan akan terus merangsang pertumbuhan segmen ini. Segmen kenderaan bermotor juga diunjur menyokong subsektor ini berikutan pelancaran model baharu dengan pakej jualan yang menarik. Selain itu, jangkakan peningkatan pendapatan boleh guna susulan prospek pasaran buruh yang lebih baik akan memacu pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan diunjur berkembang sebanyak 6.6% diterajui oleh segmen perkhidmatan perniagaan. Segmen ini dijangka berkembang didorong oleh permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan profesional khususnya kejuruteraan, guaman dan perakaunan sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Sementara itu, segmen hartanah diunjur meningkat disokong oleh aktiviti pasaran perumahan dan penyewaan yang lebih kukuh berikutan aktiviti pemilikan dan penyewaan rumah yang lebih tinggi antaranya melalui inisiatif Kerajaan di bawah Program Visa Premium Malaysia dan i-MILIKI.

Subsektor maklumat dan komunikasi dijangka berkembang 4.6% terutamanya didorong oleh peningkatan dalam penerimgunaan digital merentasi semua sektor ekonomi. Jalanan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2 dijangka

meningkatkan ketersambungan digital melalui penggunaan *Fixed Wireless Access* dan teknologi yang bersesuaian bagi membolehkan negara untuk terus merapatkan jurang digital. Dalam hal ini, Digital Nasional Berhad menyasarkan peluasan liputan rangkaian selular generasi kelima (5G) kepada 80% kawasan berpenduduk di Malaysia menjelang 2024. Selain itu, pelaburan berkualiti tinggi dalam infrastruktur berkaitan digital seperti pusat data dan perkhidmatan pengkomputeran awan serta peningkatan berterusan dalam aktiviti e-dagang dan hiburan dalam talian akan terus melonjakkan subsektor ini.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka berkembang sebanyak 7% disokong oleh semua segmen berikutan peningkatan dalam aktiviti rel, lebuh raya, pelabuhan dan lapangan terbang serta permintaan luar yang stabil. Segmen pengangkutan darat diunjur meningkat berikutan jangkaan pengoperasian Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya dan Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang. Selain itu, segmen pengangkutan udara diunjur meningkat selari dengan pertambahan trafik penumpang berikutan aktiviti berkaitan pelancongan yang terus bertambah baik dan peningkatan perkhidmatan penerbangan antarabangsa. Sementara itu, segmen pengangkutan air dijangka berkembang secara sederhana seiring pertumbuhan perdagangan yang perlahan.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan dijangka berkembang sebanyak 7.8% disumbangkan oleh peningkatan ketara dalam segmen di bawah subsektor ini berikutan pelaksanaan Rangka Kerja Pemulihan Pelancongan 2.0 pada Jun 2022. Rangka kerja ini menumpu kepada usaha memperkukuh pemulihan dan mengembalikan daya saing industri pelancongan pada peringkat global agar menjadi lebih berdaya tahan dan mampan.

Subsektor kewangan dan insurans diunjur kembali mencatat pertumbuhan positif sebanyak 3.1% berikutan aktiviti ekonomi

dan pelaburan yang terus bertambah baik. Pertumbuhan segmen kewangan dijangka dipacu oleh pelaksanaan teras strategik dalam Pelan Sektor Kewangan, 2022 – 2026 yang merangkumi inisiatif meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan serta memajukan digitalisasi dalam sektor kewangan. Segmen insurans pula diunjur kembali pulih berikutan premium dan pulangan pelaburan yang lebih tinggi di samping tuntutan yang lebih rendah.

Subsektor utiliti diunjur meningkat sebanyak 2.4% didorong oleh permintaan kukuh dalam segmen elektrik serta air dan pembetulan seiring dengan jangkaan penggunaan yang lebih tinggi dalam segmen industri, perniagaan dan kediaman. Di samping itu, projek elektrifikasi luar bandar yang sedang dilaksanakan melalui peluasan sambungan grid serta sistem alternatif seperti hidro berskala kecil, solar hibrid dan solar fotovoltan akan terus menyokong subsektor ini.

Subsektor perkhidmatan lain diunjur meningkat sebanyak 8.5% dipacu oleh segmen kesihatan dan pendidikan swasta. Komitmen berterusan dan penyertaan aktif Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) dalam persidangan dan pameran antarabangsa untuk mempromosikan perkhidmatan penjagaan kesihatan Malaysia dijangka melonjakkan segmen kesihatan swasta. Dalam hal ini, MHTC menganggarkan hasil pelancongan penjagaan kesihatan meningkat sebanyak 30% kepada RM1.3 bilion pada 2023. Sementara itu, bilangan pelajar asing di Malaysia dijangka kekal menggalakkan berikutan yuran pengajian yang kompetitif oleh institusi pendidikan swasta. Selanjutnya, subsektor perkhidmatan kerajaan dijangka berkembang sebanyak 6.1% pada 2023.

Sektor Pembuatan

Mengekalkan momentum pertumbuhan

Sektor **pembuatan** diunjur meningkat sebanyak 3.9% pada 2023 disokong oleh pengembangan dalam semua subsektor.

Pengeluaran industri berorientasikan eksport yang terus dipacu oleh segmen E&E dijangka meningkat walaupun berhadapan pertumbuhan perdagangan global yang menyederhana. Di samping itu, pengeluaran segmen produk berasaskan getah diunjur meningkat terutamanya disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran tayar dan tiub berikutan permintaan global yang tinggi bagi kenderaan bermotor.

Pengeluaran industri berorientasikan domestik juga dijangka meningkat didorong oleh segmen pembuatan makanan dan berkaitan makanan serta segmen berkaitan pembinaan. Pertumbuhan dalam segmen pembuatan makanan dan berkaitan makanan sejajar dengan permintaan lebih kukuh untuk makanan dan minuman berikutan jangkaan sentimen pengguna yang bertambah baik dan aktiviti pelancongan yang rancak. Sementara itu, peningkatan aktiviti pembinaan kediaman dan bukan kediaman serta penerusan beberapa projek infrastruktur akan meningkatkan pengeluaran besi dan keluli serta segmen berkaitan pembinaan lain. Output barangan berkaitan pengangkutan juga dijangka terus meningkat berikutan permintaan kukuh daripada isi rumah dan perniagaan susulan pasaran buruh dan aktiviti pelaburan yang bertambah baik.

Sektor Pertanian

Pasaran buruh yang bertambah baik mendorong pertumbuhan sektor

Pada 2023, sektor **pertanian** diunjur meningkat sebanyak 2.3% disokong oleh jangkaan penawaran tenaga buruh yang lebih baik dalam sektor ini. Subsektor kelapa sawit dijangka berkembang berikutan pengeluaran MSM yang lebih tinggi susulan peningkatan pengeluaran buah tandan segar dan kadar perahan minyak yang lebih baik. Penubuhan Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP) merupakan platform kerjasama kerajaan dan industri bagi menggalakkan penggunaan mekanisasi dan

automasi dijangka meningkatkan kecekapan terutamanya dalam proses penuaian seterusnya memacu produktiviti subsektor ini. Purata harga MSM diunjur pada RM4,300 setan pada 2023 berbanding RM5,000 setan pada 2022. Unjuran ini lebih tinggi daripada purata harga 10 tahun sebanyak RM2,685 setan berikutan jangkaan isu bekalan global minyak dan lemak boleh dimakan.

Subsektor getah diunjur kembali pulih dengan jangkaan peningkatan aktiviti penorehan getah sejajar dengan harga yang kekal tinggi berikutan permintaan global yang lebih kukuh daripada industri automotif terutamanya di China. Tambahan pula, inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan penggunaan teknologi RRIM Hydrobest dalam kalangan pekebun kecil dijangka meningkatkan produktiviti subsektor getah. Harga getah SMR20 dijangka berada pada purata RM6.50 sekilogram pada 2023 berbanding RM7.00 sekilogram pada 2022. Selain itu, subsektor pertanian lain dan ternakan dijangka terus berkembang disokong oleh permintaan lebih tinggi khususnya daripada isi rumah dan perniagaan berkaitan makanan. Pelbagai usaha untuk meningkatkan pengeluaran domestik dijangka menyokong segmen ini. Antara usaha tersebut termasuk membangunkan tanah terbiar melalui teknik fertigasi dan meningkatkan penerimgunaan pertanian pintar melalui penggunaan teknologi canggih.

Sektor Perlombongan

Sektor perlombongan terus berkembang

Pada 2023, sektor **perlombongan** diunjur berkembang sebanyak 1.1% disumbangkan oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi berikutan penyiapan projek saluran paip baharu di Sarawak iaitu Kasawari, Jerun dan Timi yang dijangka meningkatkan pengeluaran terutamanya pada separuh kedua 2023. Di samping itu, permintaan lebih tinggi daripada rakan dagang utama khususnya Jepun serta permintaan baharu daripada segmen industri dan petrokimia domestik

dijangka meningkatkan lagi pengeluaran gas asli. Walau bagaimanapun, output minyak mentah dan kondensat diunjur menyederhana berikutan penurunan kadar pengeluaran daripada medan sedia ada di Semenanjung Malaysia. Pertumbuhan ekonomi global yang menyederhana dijangka memperlahankan permintaan tenaga seterusnya mengakibatkan penurunan trend harga minyak mentah dunia. Sehubungan itu, harga minyak mentah Brent dijangka mencatat purata lebih rendah sebanyak USD90 setong pada 2023 selaras dengan unjuran permintaan minyak yang lebih perlahan di seluruh dunia oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

Sektor Pembinaan

Mengekalkan pertumbuhan ke arah kestabilan

Sektor **pembinaan** diunjur berkembang sebanyak 4.7% pada 2023 berikutan prestasi lebih baik dalam semua subsektor. Pelaksanaan projek baharu seperti Transit Aliran Massa Laluan 3 (MRT3) Laluan Lingkaran dan penyegeraan projek infrastruktur yang sedang dalam pembinaan termasuk Rangkaian Sistem Transit Rapid (RTS), Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) dijangka menyokong pemulihan subsektor kejuruteraan awam.

Di samping itu, projek pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan dijangka dapat meningkatkan permintaan bagi bangunan perindustrian. Justeru, subsektor bangunan bukan kediaman dijangka terus meningkat. Sementara itu, subsektor bangunan kediaman diunjur berkembang dengan stabil didorong oleh peningkatan pembinaan rumah mampu milik selaras dengan strategi di bawah RMKe-12. Insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah melalui program i-MILIKI juga dijangka merangsang permintaan terhadap bangunan kediaman di samping menangani isu harta tanah tidak terjual.

Permintaan Domestik

Sektor swasta kekal sebagai pemacu utama

Ekonomi dijangka kekal berdaya tahan dengan **permintaan domestik** terus memacu pertumbuhan dalam persekitaran global yang perlahan. Perbelanjaan sektor swasta diunjur berkembang sebanyak 5.8% pada 2023 dengan sumbangan kepada KDNK sebanyak 76.2% manakala perbelanjaan sektor awam meningkat 2% dengan sumbangan kepada KDNK sebanyak 17%. Justeru, permintaan domestik dijangka terus berkembang sebanyak 5.1%.

Penggunaan swasta kekal kukuh dan dijangka berkembang sebanyak 6.3% meskipun berhadapan ketidaktentuan global. Unjuran pertumbuhan ini disokong oleh penambahbaikan berterusan dalam pasaran buruh serta aktiviti ekonomi dan sosial yang kukuh terutamanya aktiviti berkaitan pelancongan. Bantuan khas kewangan pada Januari 2023 kepada penjawat awam dan pesara dijangka dapat menyokong pendapatan boleh guna isi rumah seterusnya meningkatkan perbelanjaan swasta.

Pelaburan swasta diunjur mencatat pertumbuhan sebanyak 3.7% didorong oleh peningkatan perbelanjaan modal sektor pembuatan dan perkhidmatan berintensif teknologi khususnya untuk pelaburan dalam mesin dan peralatan berkaitan ICT. Peralihan negara ke arah penerimgunaan teknologi digital selaras dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara akan meningkatkan pelaburan dalam industri pemangkin bagi membolehkan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi. Industri tersebut termasuk E&E termaju, aeroangkasa dan farmaseutikal.

Perbelanjaan modal sektor awam terus menjadi pelengkap kepada sektor swasta dalam pembangunan negara. Projek utama yang dijangka bermula pada 2023 termasuk MRT3, Sarawak-Sabah Link Road Fasa 2 dan

Lebuhraya Trans Borneo. Penerusan projek berkaitan pengangkutan berskala besar seperti ECRL, LRT3 dan RTS Link juga akan memberi dorongan kepada pelaburan awam. Kesemua inisiatif tersebut dijangka menyokong **pelaburan awam** untuk meningkat sebanyak 2.1% pada 2023. **Penggunaan awam** juga dijangka berkembang sebanyak 2% berikutan perbelanjaan lebih tinggi bagi emolument terutamanya kenaikan gaji tahunan tambahan khas untuk kakitangan awam.

Pendapatan negara dalam harga semasa dijangka meningkat sebanyak 6.2% selaras dengan aktiviti ekonomi domestik yang semakin berkembang. Sementara itu, **TNK** diunjur mencatat 0.4% dengan jangkaan jumlah pelaburan menguncup sebanyak 5.4% kepada RM358.6 bilion. Sumbangan TNK diunjur kekal signifikan sebanyak 24.7% daripada PNK. Jurang tabungan-pelaburan dijangka kekal mencatat lebihan pada RM73 bilion atau 4.2% daripada PNK. Lebihan ini menyediakan mudah tunai mencukupi dalam sistem kewangan yang boleh digunakan untuk membiayai pelaburan produktif jangka panjang tanpa sumber dana luar negara.

Pendapatan

Keperluan pendapatan lebih tinggi demi kehidupan yang lebih baik

Jangkaan pemulihan ekonomi yang lebih kukuh pada 2023 akan menjana prospek pendapatan lebih tinggi kepada pekerja. Usaha berterusan untuk mempercepat digitalisasi dan aktiviti pengeluaran bernilai tambah tinggi bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah serta meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh juga dijangka menyumbang kepada peningkatan **PP**. Oleh yang demikian, bahagian PP daripada KDNK diunjur meningkat kepada 35.2% pada 2023. Walau bagaimanapun, bahagian tersebut masih lebih rendah berbanding negara membangun

dan ekonomi maju yang lain. Justeru, anjakan paradigma daripada struktur pasaran buruh bergaji rendah kepada kadar gaji yang lebih baik perlu dilaksanakan bagi memastikan perkongsian manfaat pertumbuhan yang lebih saksama antara pekerja dengan pemilik modal. Sekiranya tidak berlaku, kenaikan gaji yang tidak mencukupi berbanding kadar semasa boleh menghalang pencapaian sasaran jangka masa panjang PP di bawah RMKe-12 iaitu sebanyak 40% daripada KDNK pada 2025.

Bahagian **LKK** daripada KDNK diunjur berkurang kepada 62.2% pada 2023 dengan sebahagian besar daripada LKK terus dinikmati oleh pemilik modal. Sementara itu, pendapatan campuran bagi golongan yang bekerja sendiri atau usahawan bebas dijangka berkembang ketara sebanyak 13.2% berikutan prestasi ekonomi yang kukuh dan normalisasi cara kerja fleksibel dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan prospek pendapatan bagi kumpulan ini. Usaha untuk meningkatkan perlindungan sosial kepada semua golongan yang bekerja sendiri juga boleh menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan campuran yang lebih besar. Justeru, bahagian pendapatan campuran kepada KDNK diunjur meningkat kepada 17%.

Selaras dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan disokong oleh usaha berterusan untuk mengelakkan ketirisan hasil dan strategi meluaskan asas cukai, pendapatan daripada cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai ke atas pengeluaran dan import diunjur berkembang sebanyak 7.5%. Sementara itu, perbelanjaan subsidi dijangka berkurangan dengan ketara sebanyak 50.2% berikutan penamatan bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang COVID-19. Justeru, pendapatan daripada **cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import** dijangka mencatat peningkatan lebih besar pada 2023.

Sektor Luar Negeri

Prestasi menyederhana dalam ketidaktentuan global

Pada 2023, **eksport kasar** diunjur menyederhana sebanyak 2.2% meliputi semua sektor disebabkan oleh permintaan luar yang sederhana berikutan pertumbuhan yang perlahan susulan ketidaktentuan situasi global berpunca antaranya daripada ketegangan geopolitik yang berpanjangan, gangguan rantai bekalan dan volatiliti harga komoditi global. Eksport barangan pembuatan dijangka berkembang 2.3% disokong oleh permintaan lebih baik untuk produk E&E yang menyumbang sebanyak 47% dan bukan E&E sebanyak 53%. Permintaan berterusan bagi semikonduktor susulan kemajuan teknologi terutamanya litar elektronik bersepadu, pemproses dan kawalan dijangka memacu pertumbuhan produk E&E sebanyak 2%. Di samping itu, eksport bukan E&E diunjur meningkat sebanyak 2.6% disumbangkan oleh permintaan tinggi bagi produk petroleum, kimia dan produk kimia serta barangan pembuatan logam.

Eksport barangan pertanian diunjur berkembang sebanyak 1.7% pada 2023 disokong oleh permintaan lebih tinggi bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli. Di samping itu, pendapatan eksport daripada barangan perlombongan juga dijangka meningkat sebanyak 1.6% disumbangkan oleh permintaan lebih tinggi daripada pasaran utama bagi minyak mentah (1.6%) dan LNG (1.2%) dipacu oleh harga tenaga global yang menggalakkan.

Import kasar dijangka meningkat secara marginal sebanyak 0.2% berikutan permintaan tinggi bagi barangan modal, barangan pengantara dan barangan penggunaan susulan permintaan domestik yang mampan dan penambahbaikan dalam aktiviti pelaburan. Import barangan pengantara dijangka meningkat sebanyak 0.2% disumbangkan oleh

pengembangan dalam sektor pembuatan dan pembinaan. Sementara itu, import barangan modal diunjur meningkat sebanyak 0.3% berikutan pelaksanaan semula projek infrastruktur. Seterusnya, import barangan penggunaan dijangka berkembang sebanyak 0.2% didorong oleh kategori produk makanan dan minuman khusus untuk isi rumah susulan peningkatan perbelanjaan swasta seiring dengan keyakinan pengguna.

Akaun semasa dijangka mencatat lebih sebanyak RM73 bilion atau 4.2% daripada PNK pada 2023 sejajar dengan penambahbaikan berterusan dalam aktiviti ekonomi. Akaun barangan diunjur mencapai lebih lebih besar iaitu RM216.2 bilion berikutan terimaan lebih tinggi daripada rakan dagang utama merentasi semua sektor ekonomi walaupun pertumbuhan global menyederhana. Sementara itu, akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit lebih kecil sebanyak RM52.6 bilion disumbangkan oleh peningkatan terimaan dalam akaun pengangkutan, perjalanan dan perkhidmatan lain. Terimaan daripada pengangkutan diunjur meningkat kepada RM24.8 bilion disokong oleh peningkatan pendapatan dalam perjalanan udara dan perkhidmatan pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat domestik. Bayaran bagi pengangkutan juga dijangka meningkat kepada RM58.7 bilion pada 2023 berikutan kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan pengangkutan asing di samping pengembangan dalam aktiviti perdagangan.

Akaun perjalanan diunjur mencatat defisit lebih kecil sebanyak RM5.7 bilion pada 2023 berikutan peningkatan aktiviti pelancongan. Terimaan daripada akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM23.8 bilion disumbangkan oleh peningkatan ketibaan pelancong dan perbelanjaan per kapita. Walau bagaimanapun, terimaan diunjur lebih kecil untuk mengimbangi bayaran berjumlah RM29.6 bilion terutamanya disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan residen di luar negara serta aktiviti perjalanan bagi perniagaan, pendidikan dan keagamaan. Sementara itu, akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit lebih kecil sebanyak

RM13 bilion disokong oleh peningkatan dalam terimaan walaupun bayaran lebih tinggi berikutan pengembangan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan susulan penerusan semula projek berimpak tinggi dan aktiviti ekonomi yang kekal stabil.

Akaun pendapatan primer dijangka mencatat defisit lebih besar sebanyak RM70.4 bilion berikutan bayaran oleh pelabur asing yang lebih tinggi sejajar dengan aktiviti pelaburan yang berterusan. Tambahan pula, jangkaan peningkatan pampasan untuk profesional asing berikutan penerimgunaan pantas digitalisasi dan automasi akan menyumbang kepada defisit yang semakin besar. Aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan sekunder pula diunjur meningkat kepada RM20.2 bilion berikutan bayaran *one-off* dan kiriman wang keluar oleh pekerja asing.

Harga

Diunjur kekal terkawal

Kadar **inflasi** diunjur mencatat antara 2.8% – 3.3% pada 2023 berikutan harga komoditi yang stabil serta langkah beransur-ansur ke arah mekanisme subsidi bersasar bagi memastikan pengagihan sumber yang lebih saksama. Pada 2023, IHPR dijangka menyederhana disumbangkan oleh kos input global yang stabil.

Pasaran Buruh

Momentum pemulihan yang berterusan

Pasaran buruh diunjur mengekalkan momentum pemulihan sejajar dengan jangkaan prospek pertumbuhan yang lebih baik bagi permintaan domestik dan luar. Strategi untuk menangani isu struktural dalam pasaran buruh juga akan mendorong kepada permintaan buruh yang lebih tinggi. Justeru, **kadar pengangguran** diunjur mencatat antara 3.5% – 3.7% pada 2023. Jumlah **guna tenaga** diunjur meningkat sebanyak 1.7% kepada 15.6

juta orang dengan lebih 80% peluang guna tenaga adalah dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Bilangan **pekerja asing** berkemahiran rendah dan **ekspatriat** dijangka meningkat kepada paras prapandemik pada 2023. Peningkatan ini berikutan pelaksanaan strategi untuk mempercepat pemulihan perniagaan dalam industri berintensif buruh serta menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja bagi pekerjaan yang kurang menarik dalam kalangan penduduk setempat khususnya dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perladangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus memperkukuh dasar untuk menggalakkan pengeluaran bernilai tambah tinggi melalui peningkatan penerimgunaan teknologi dan automasi. Langkah ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja migran terutamanya pekerja asing berkemahiran rendah. Selain itu, peningkatan gaji daripada kadar semasa akan menggalakkan rakyat untuk menceburi bidang pekerjaan yang kurang menarik.

Produktiviti buruh dijangka meningkat sebanyak 2.4% kepada RM96,000 pada 2023 diterajui oleh aktiviti berkaitan pelancongan yang menggalakkan dan projek pembinaan yang kembali rancak. Program peningkatan kemahiran dan latihan semula yang berterusan serta peluasan pensijilan *e-Shared Prosperity Organisation* kepada majikan yang memberikan gaji lebih tinggi berdasarkan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti juga akan terus menggalakkan peningkatan produktiviti buruh.

Kesimpulan

Ekonomi global diunjur menyederhana pada 2022 dan 2023 berikutan tekanan inflasi, keadaan kewangan yang lebih ketat, gangguan bekalan serta pemecahan geopolitik. Cabaran ini dijangka berlanjutan disebabkan oleh pertumbuhan sederhana dalam ekonomi

maju dan beberapa EMDE serta impak negatif daripada konflik yang sedang berlaku di Eropah Timur.

Sementara itu, ekonomi Malaysia dijangka meneruskan momentum pemulihan dan mencapai pertumbuhan KDNK sebanyak 6.5% – 7% pada 2022 selari dengan permintaan domestik yang kukuh, prestasi eksport yang memberangsangkan dan pelaksanaan langkah di bawah Belanjawan 2022 yang mengembang. Pada 2023, ekonomi negara diunjur berkembang antara 4% – 5% meskipun berdepan dengan pertumbuhan ekonomi dan

aktiviti perdagangan dunia yang perlahan. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang stabil, sektor perkhidmatan yang rancak, pelaksanaan projek infrastruktur sedia ada dan baharu yang berimpak tinggi serta eksport yang mampan. Kerajaan akan terus memantau perkembangan global serta melaksanakan dasar dan inisiatif pembaharuan yang bersesuaian untuk mengukuhkan ekonomi dan kedudukan fiskal bagi mendepani potensi kejutan luaran, menambah baik taraf hidup rakyat dan meningkatkan daya tahan perniagaan.

Rujukan

- Alaloul, W. S., Musarat, M. A., Rabbani, M. B. A., Iqbal, Q., Maqsoom, A., & Farooq, W. (2021). Construction sector contribution to economic stability: Malaysian GDP distribution. *Sustainability*, 13(9), 5012.
- Allain-Dupré, Dorothée., Chatry, Isabelle., Kornprobst, Antoine., Michalun, Maria-Varinia., Wheeler, Courtenay., Barros, Manuel., Hannig, Sandra., Lafitte, Charlotte., Moisis, Antti., Power, Kate., Visser, Stephan., Wu, Yingyin., Zapata, Isidora. & Kamal-Chaou, Lamia. (2021, Mei 10). *The territorial impact of COVID-19: Managing the crisis and recovery across levels of government*. Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). <https://www.oecd.org/coronavirus/policy-responses/the-territorial-impact-of-covid-19-managing-the-crisis-and-recovery-across-levels-of-government-a2c6abaf/>
- Azian, A., Kumar, K.S. & Batumalai, T. (2021, Januari 29). *Impact of Covid-19 on MPO industry in 2020 – A review*. Majlis Minyak Sawit Malaysia. <https://mpoc.org.my/impact-of-covid-19-on-mpo-industry-in-2020-a-review/>
- Badan Pusat Statistik, Indonesia. (2022). *Laporan ekonomi Indonesia 2022*.
- Bahagian Strategi dan Perancangan Makroekonomi, Thailand. (2022, Ogos 15). *Thai economic performance in Q2 and outlook for 2022*. Office of the National Economic and Social Development Council. https://www.nesdc.go.th/nesdb_en/ewt_news.php?nid=4482&filename=Macroeconomic_Planning
- Bank Dunia. (2022a). *Commodity markets outlook, April 2022: The impact of the war in Ukraine on commodity markets*. Commodity Markets Outlook. <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/37223>
- Bank Dunia. (2022b, April 21). *The World Bank in Malaysia*. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/overview#1>
- Bank Negara Malaysia. (2012). *Tinjauan ekonomi dan monetari 2011*.
- Bank Negara Malaysia.(2011a). Perubahan struktur eksport Malaysia. *Laporan tahunan 2011*, 37-40. <https://www.bnm.gov.my/-/laporan-tahunan-bnm-2011>
- Bank Negara Malaysia. (2011b). *Tinjauan ekonomi dan monetari 2010*.
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Tinjauan ekonomi dan monetari 2009*.
- Bank Negara Malaysia. (2009). *Tinjauan ekonomi dan monetari 2008*.
- BERNAMA. (2022, Januari 24). *MITI identifies 5 main sectors under NIA initiative*. Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA). <https://www.mida.gov.my/mida-news/miti-identifies-5-main-sectors-under-nia-initiative/>
- Biro Perangkaan Kebangsaan, China. (2022, September 16). *National economy continued to recover with major indicators generally improving in August*. http://www.stats.gov.cn/english/PressRelease/202209/t20220916_1888308.html
- Blake, P. & Wadhwa, D. (2020, Disember 14). *2020 year in review: The impact of COVID-19 in 12 charts*. Bank Dunia. <https://blogs.worldbank.org/voices/2020-year-review-impact-covid-19-12-charts>
- Bon, R. (1988). Direct and indirect resource utilisation by the construction sector: The case of the USA since World War II. *Habitat International*, 12(1), 49-74. [https://doi.org/10.1016/0197-3975\(88\)90039-2](https://doi.org/10.1016/0197-3975(88)90039-2)
- CrescentRating. (2022). *Global muslim travel index 2022*. <https://www.crescentrating.com/reports/global-muslim-travel-index-2022.html>
- Deconinck, K., Avery, E., & Jackson, L. A. (2021). Food supply chains and covid-19: Impacts and policy lessons. *EuroChoices*, 19(3), 34-39. <https://doi.org/10.1111/1746-692X.12297>
- Domar, E. D. (1947). Expansion and employment. *The American Economic Review*, 37(1), 34-55. <http://www.jstor.org/stable/1802857>

- Donald, F., Trinh, S., Grassino, A., Theoret, E. & Camilleri, E. (2022). *Global macro outlook Q2 2022. An unexpected turn of events*. Manulife Investment Management. https://www.manulifeinvestment.com.my/assets/en/insight/global-macro-outlook-the-strategic-investment-implications_MY.pdf
- Ferrero-Ferrero, I., Fernández-Izquierdo, M. Á., & Muñoz-Torres, M. J. (2016). The effect of environmental, social and governance consistency on economic results. *Sustainability*, 8(10), 1005. <https://doi.org/10.3390/su8101005>
- Furceri, D., Loungani, P., Simon, J., & Wachter, S. M. (2016). Global food prices and domestic inflation: Some cross-country evidence. *Oxford Economic Papers*, 68(3), 665-687.
- Grynspan, R. (2022, May 22). *Weathering a 'perfect storm' of cascading crises*. United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). <https://unctad.org/news/blog-weathering-perfect-storm-cascading-crises>
- Harrod, R. F. (1948). *Towards a dynamic economics: Some recent developments of economic theory and their application to policy*.
- Harunurashid, M. H. T. (2021). Asymmetric impact of exchange rate and oil price on inflation in Malaysia. National Institute of Public Administration (INTAN). *Journal of Economics and Policy*, 4(1).
- Hill, K., & Webber, R. (2022). *From pandemic to cost of living crisis: Low-income households in challenging times*. The Joseph Rowntree Foundation. <https://michaelharrison.org.uk/wp-content/uploads/2022/05/From-pandemic-to-cost-of-living-crisis-low-income-families-in-challenging-times-Full-report.pdf>
- Ibrahim, A. R. B., Roy, M. H., Ahmed, Z., & Imtiaz, G. (2010). An investigation of the status of the Malaysian construction industry. *Benchmarking: An International Journal*, 17(2), 294-308.
- Ibrahim, M. H. (2015). Oil and food prices in Malaysia: A nonlinear ARDL analysis. *Agricultural and Food Economics*, 3(1), 1-14.
- Jabatan Kewangan, Filipina. (2022, Jun 30). *Economic bulletin: January-May 2022 fiscal performance*. https://www.dof.gov.ph/economic_bulletin/january-may-2022-fiscal-performance/
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022a, Ogos 29). *Indeks harga pengguna Julai 2022*. https://bit.ly/IHP_Julai_2022
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022b, Ogos 29). *Jadual input-output, 2020*. https://bit.ly/DOSM_Input-Output_Table_2020
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022c, Julai 22). *Indeks harga pengguna Jun 2022*. https://bit.ly/IHP_Jun_2022
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022d, Jun 24). *Indeks harga pengguna Mei 2022*. https://bit.ly/IHP_Mei_2022
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022e, Mei 25). *Indeks harga pengguna April 2022*. https://bit.ly/IHP_April_2022
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022f, April 22). *Indeks harga pengguna Mac 2022*. https://bit.ly/IHP_Mac_2022
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022g). *Keluaran dalam negeri kasar kaedah pendapatan 2021*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022h). *Laporan survei tenaga buruh 2021*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021, November 10). *Malaysia digital economy 2021*. https://bit.ly/DOSM_Malaysia_Digital_Economy_2021
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan survei perbelanjaan isi rumah 2019*. https://bit.ly/LSPIR_Julai_2020
- Kementerian Kewangan India. (2022). *Laporan tahunan 2021-2022*.

- Kementerian Kewangan Malaysia. (2022, Jun 3). *Kenyataan pra-bajet 2023*. https://www.mof.gov.my/portal/pdf/siaran-media/MoF_KenyataanPraBajet_2023.pdf
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2020). Hubungan dinamik antara indeks harga pengguna dengan indeks harga pengeluar. *Tinjauan Ekonomi 2021*, 104-107.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2019). *Tinjauan ekonomi 2019*. <https://www.mof.gov.my/portal/arkib/ekonomi/2019/bab3.pdf>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2018). Penentu inflasi di Malaysia. *Tinjauan Ekonomi 2019*, 75-77.
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. (2021, Disember 28). *Aspirasi pelaburan nasional*. <https://www.miti.gov.my/NIA/nia.html>
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. (2021, September 30). *Trade and economic information booklet*. https://bit.ly/Trade_Economic_Information_Booklet
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. (2022, Mei 19). *Ekonomi digital Malaysia dijangka menyumbang 22.6 peratus kepada KDNK, wujudkan setengah juta pekerjaan menjelang 2025*. https://bit.ly/MOSTI_Ekonomi_Digital_Malaysia_BERNAMA
- Khan, R. A., Liew, M. S., & Ghazali, Z. B. (2014). Malaysian construction sector and Malaysia vision 2020: Developed nation status. *Procedia-social and Behavioral Sciences*, 109, 507-513. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.12.498>
- Kumpulan Bank Dunia. (2022). *Prospek ekonomi global: Risiko stagflasi ketika kelembapan dalam pertumbuhan*. <https://www.worldbank.org/en/publication/global-economic-prospects>
- Kumpulan Bank Dunia. (2018). *Malaysia's digital economy: A new driver of development*. Bank Dunia. <https://www.kkmm.gov.my/pdf/KPI/Laporan%207.pdf>
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. (2020). *Construction 4.0 strategic plan (2021-2025)*. <https://www.cidb.gov.my/en/construction-info/technology/ir40-construction>
- Londoño-Vélez, J., & Querubin, P. (2022). The impact of emergency cash assistance in a pandemic: Experimental evidence from Colombia. *Review of Economics and Statistics*, 104(1), 157-165. https://doi.org/10.1162/rest_a_01043
- Meo, M. S., Khan, V. J., Ibrahim, T. O., Khan, S., Ali, S., & Noor, K. (2018). Asymmetric impact of inflation and unemployment on poverty in Pakistan: New evidence from asymmetric ARDL cointegration. *Asia Pacific Journal of Social Work and Development*, 28(4), 295-310. <https://doi.org/10.1080/02185385.2018.1523745>
- Mittal, A. (2009). The 2008 food price crisis: Rethinking food security policies. *G-24 Discussion Paper Series*. United Nations Conference on Trade and Development.
- Musarat, M. A., Alaloul, W. S., Liew, M. S., Maqsoom, A., & Qureshi, A. H. (2020). Investigating the impact of inflation on building materials prices in construction industry. *Journal of Building Engineering*, 32, 101485.
- Najib, I. Z. M., Nordin, R. M., Ahnuar, E. M., & Sukor, K. M. (2019). Malaysian as the component of labour force for construction industry in Malaysia. *MATEC Web of Conferences*, 266(01007). <https://doi.org/10.1051/matecconf/201926601007>
- Nordin, I., Hassan, Z. & Mohd Razali, N.A. (2021, February 1). *Malaysian palm oil sector performance in 2020 and market opportunities*. Majlis Minyak Sawit Malaysia. <https://mpoc.org.my/malaysian-palm-oil-sector-performance-in-2020-and-market-opportunities/>
- Pejabat Perangkaan Am, Viet Nam. (2022, Jun 29). *Press conference to announce the socio-economic situation in the 2nd quarter and 6 months of 2022*. <https://www.gso.gov.vn/en/data-and-statistics/2022/07/press-conference-to-announce-the-socio-economic-situation-in-the-2nd-quarter-and-6-months-of-2022/>
- Persatuan Automotif Malaysia. (2022). *Market review for first half of 2022*. http://www.maa.org.my/pdf/2022/Market_Review_First_Half_2022.pdf
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (1990). *Economic and social survey of Asia and the Pacific*. <https://doi.org/10.18356/46d40be1-en>

- Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi. (2022). The price of war. *Economic Outlook 2022*, 1. https://bit.ly/OECD_Price_of_war
- Pertubuhan Makanan dan Pertanian. (2022, September 2). *Food price index*. <https://www.fao.org/worldfoodsituation/foodpricesindex/en/>
- Pesaran, M. H., Shin, Y., & Smith, R. J. (2001). Bounds testing approaches to the analysis of level relationships. *Journal of Applied Econometrics*, 16(3), 289-326. <https://doi.org/10.1002/jae.616>
- Qayyum, A., & Sultana, B. (2018). Factors of food inflation: Evidence from time series of Pakistan. *Journal of Banking and Finance Management*, 1(2), 23-30.
- Salahodjaev, R., & Mirziyoyeva, Z. (2021). The link between food security and life satisfaction: Panel data analysis. *Sustainability*, 13(5), 2918. <https://doi.org/10.3390/su13052918>
- Shin, Y., Yu, B., & Greenwood-Nimmo, M. (2014). Modelling asymmetric cointegration and dynamic multipliers in a nonlinear ARDL framework. *Festschrift in honour of Peter Schmidt*. Springer, 281-314. https://doi.org/10.1007/978-1-4899-8008-3_9
- Siong, H. C. (2006). *Putrajaya-administrative Centre of Malaysia-planning concept and implementation*. Sustainable Urban Development and Governance Conference, 16 November 2006, SungKyunKwan University, Seoul. 1-20. <http://eprints.utm.my/id/eprint/6622/>
- Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2020, September 25). *Conflict, climate crisis and COVID-19 pose great threats to the health of women and children*. <https://www.unicef.org/press-releases/conflict-climate-crisis-and-covid-19-pose-great-threats-health-women-and-children>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2022a). Gloomy and more uncertain. *World Economic Outlook, July 2022*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2022/07/26/world-economic-outlook-update-july-2022>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2022b). War sets back global recovery. *World Economic Outlook, April 2022*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2022/04/19/world-economic-outlook-april-2022>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2022c). *What is nominal effective exchange rate (NEER)?* <https://datahelp.imf.org/knowledgebase/articles/537469-what-is-nominal-effective-exchange-rate-need>
- The Star. (2022, Mei 19). *Malaysia's digital economy to contribute 22.6% to GDP, create half a million jobs by 2025*. <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2022/05/19/malaysia039s-digital-economy-to-contribute-226-to-gdp-create-half-a-million-jobs-by-2025>
- United Nations Conference on Trade and Development. (2022). *Global crisis*. <https://unctad.org/global-crisis>
- United Nations Conference on Trade and Development. (2020). *Impact of the pandemic on trade and development*. https://unctad.org/system/files/official-document/osg2020d1_en.pdf
- Walter, A., Finger, R., Huber, R., & Buchmann, N. (2017, Jun 13). Opinion: Smart farming is key to developing sustainable agriculture. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 114(24), 6148-6150. <https://doi.org/10.1073/pnas.1707462114>
- Wong, J. H., Rashidi, A., & Arashpour, M. (2020). Evaluating the impact of building information modeling on the labor productivity of construction projects in Malaysia. *Buildings*, 10(4), 66. <https://doi.org/10.3390/buildings10040066>
- Zamani, S. H., Rahman, R. A., Fauzi, M. A., & Yusof, L. M. (2021). Effect of COVID-19 on building construction projects: Impact and response mechanisms. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 682(1), 012049. <http://dx.doi.org/10.1088/1755-1315/682/1/012049>
- Zhang, X., Azhar, S., Nadeem, A., & Khalfan, M. (2018). Using building information modelling to achieve lean principles by improving efficiency of work teams. *International Journal of Construction Management*, 18(4), 293-300.